

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

Jilid II

Bil. 2

Hari Selasa

26hb Mei, 1992

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah
Y.B. Tuan Azman Atar bin Othman**

(Ruangan 39)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 26hb Mei, 1992

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

SKIM PINJAMAN BANK PERTANIAN - RUNGUTAN PETANI/NELAYAN

1. Tuan Shuib bin Endut minta Menteri Pertanian, akhir-akhir ini banyak rungutan dari petani dan nelayan tentang Skim Pinjaman di Bank Pertanian; dalam hal ini, bolehkah beliau menyatakan:

- (a) kenapa Skim Pinjaman untuk petani dan nelayan begitu rmembebankan para peminjam dan terlalu banyak birokrasinya; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menjalani masalah ini dalam usaha membantu para petani.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua,"dengan izin, saya bagi pihak Kementerian Pertanian memohon menjawab soalan ini.

- (a) Adalah tidak tepat: untuk mengatakan bahawa Skim Pinjaman dari Bank Pertanian Malaysia membebankan para peminjam dan terlalu banyak birokrasinya. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, antara syarat-syarat yang dikenakan oleh Bank Pertanian Malaysia ialah:-

- (i) kelulusan 100% daripada kos sebenar projek;
- (ii) bayaran pengeluaran wang pinjaman yang berperingkat-peringkat;
- (iii) cagaran yang mencukupi.

Syarat-syarat ini bertujuan untuk menjaga kepentingan bank dan juga pembangunan pertanian di negara ini secara keseluruhannya. Adalah sukar untuk mencari mana-mana bank yang mengenakan syarat yang lebih mudah daripada Bank Pertanian Malaysia.

Dari segi birokrasinya juga, pada masa ini Bank Pertanian Malaysia telah menurunkan kuasa untuk melulus atau menolak permohonan-permohonan, pinjaman kepada Pengurus-pengurus Cawangan dan Pengurus-pengurus Wilayah. Dengan itu sesuatu keputusan permohonan dapat diketahui dengan cepat iaitunya biasanya dalam masa tiga minggu dari tarikh membuat permohonan,

- (b) Setakat ini Kementerian Pertanian berpuas hati dengan aktiviti-aktiviti dan usaha-usaha yang dijalankan oleh Bank Pertanian.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa kesalahan itu tidak boleh ditujukan kepada pegawai-pegawai ataupun pekerja-pekerja dari Bank Pertanian, mungkin ada sebab-sebabnya saya rasa kalaulah pekerja-pekerja dan kakitangan bank itu diberi pengetahuan lebih lanjut berkenaan dengan nelayan-nelayan dan ladang-ladang, tidak

mungkin layanan yang diadakan itu boleh timbul sama sekali. Adakah cadangan pihak Kementerian untuk mengadakan suatu kursus atau pun dialog yang boleh mendatangkan pengetahuan pekerja-pekerja dan juga staf-staf di Bank Pertanian itu?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana biasa, Bank Pertanian sering mengadakan kursus ataupun majlis-majlis dialog dari semasa ke semasa. Apa yang penting di sini ialah kefahaman kepada petani atau nelayan itu sendiri hendaklah diberi oleh peminpim-peminpim tempatan juga terutama JKKK.

Pertamanya, kuasa melulus yang diberikan kepada Pengurus Kawasan, Cawangan dan Wilayah tadi misalnya, kalau permohonan pinjaman itu \$100,000 ke bawah, maka kuasa itu diberi kepada Pengurus Wilayah. Kalau pinjaman \$60,000 ke bawah, kuasa itu diberi kepada" Pengurus Cawangan A, Cawangan B \$40,000 ke bawah, Cawangan C \$20,000 ke bawah. Jadi, kalau berkaitan Cawangan C, mungkin ini memadai dengan cawangan yang kecil yang terdapat di kampung-kampung.

Jadi, maksud saya, insya Allah kitra akan perhebatkan lagi majlis-majlis sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah Bank Pertanian telah ambil untuk menggalakkan para pekerja ladang untuk meminjam di dalam Bank Pertanian?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, seseorang peminjam hendaklah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Bank Pertanian; sama ada ianya terdiri daripada petani, nelayan ataupun pekerja-pekerja ladang sebagaimana yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat. Pertamanya, projek itu mestilah viable. Yang kedua, ia mempunyai penjamin ataupun cagaran-cagaran yang mencukupi; dan yang ketiga, seboleh-bolehnya mereka hendaklah terlibat di sektor pertanian ataupun projek itu yang berkait dengan projek-projek pertanian atau perikanan.

ARTIS LELAKI BERAMPUT PANJANG

2. **Tuan Azman Atar bin Othman** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada arahan melarang artis-artis lelaki berambut panjang muncul di RTM dapat menghapuskan budaya Rock ala Barat di Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, negara kita sedang menuju ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020. Bersesuaian dengan matlamat itu Kementerian Penerangan melalui RTM berhasrat untuk memainkan peranan positif merabantu pencapaian matlamat tersebut. RTM telah menetapkan semua artis-artis yang mengambil bahagian dalam rancangan-rancangannya mestilah mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh RTM.

Tuan Yang di-Pertua, menyekat penularan budaya rock dan budaya asing yang keterlaluan dan yang sangat ketara bertentangan dengan budaya tempatan adalah satu-satu usaha RTM bagi tujuan tersebut di atas .

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam akhbar semalam seorang Sasterawan Negara yang berambut panjang membela penyanyi yang berambut panjang yang menyanyi lagu-lagu yang berunsur agama. Sungguhpun berambut panjang sekiranya ada unsur-unsur agama dalam nyanyian tadi, mengikut Sasterawan Negara tersebut ini adalah perkara rasional. Bolehkah

pihak Kementerian menerima pendapat ini sebagai exceptional case supaya penyanyi tersebut dapat juga muncul di TV?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menerangkan sedikit berkenaan dengan latar belakang budaya rock.

Tuan Yang di-Pertua, 30 tahun dahulu di Amerika Syarikat apabila Woodstock ketika itu memulakan satu budaya yang menular ke Amerika sehingga ke hari ini, budaya itu bermula dengan budaya rambut panjang, budaya muzik yang innocent, dengan izin, dan setelah itu menggalakkan kepada pakaian serebeh ataupun tidak senonoh. Dan kemudiannya dengan percampuran seks yang tidak ada batasan. Kemudian seks antara lelaki dengan lelaki, perempuan dengan perempuan. Budaya dadah, hippisme dan sebagainya. 30 tahun dahulu Woodstock telah memulakan satu budaya di mana di negara Barat sekarang termasuk Amerika menerimanya dan pada hari ini undang-undang mereka sebahagian daripada negeri-negeri mereka menerima budaya-budaya yang dianjurkan oleh Woodstock itu dan menjadi norma hidup mereka pada hari ini sehinggakan lesbianisme, homosexuality adalah menjadi budaya yang normal yang boleh diterima oleh masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, menjelang tahun 2020 kita tidak mahu budaya seperti itu menular dan menjadi penerimaan masyarakat dalam negara kita. Oleh kerana itu kita memerlukan, bak kata orang Inggeris "to nib the problem in the bud" atau dalam bahasa Malaysianya "kalau hendak dilentur buluh biarlah di masa rebung".

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, rambut panjang bukanlah isunya.

Yang menjadi isunya ialah penyekatan penularan pengaruh budaya rock ataupun rock yang keterlaluan, bertentangan dengan budaya tempatan. Ini yang mahu disekatkan oleh Kementerian.

Berkenaan dengan pandangan Sasterawan Negara, sepertimana saya katakan tadi sekatan ini adalah kepada pemuzik yang terlibat di dalam pengaruh unsur budaya rock. Sekiranya ia merupakan seorang Sasterawan atau lain daripada yang mengembangkan budaya sedemikian dia tidak disekat oleh RTM. Berkenaan dengan lagu-lagu yang hendak dimainkan, sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, ramai artis-artis kita yang bersopan menyanyikan lagu-lagu yang baik seperti contoh Exist yang menyanyikan lagu "Ibu" yang mempunyai sumber ilham yang baik. Jadi saya kira dengan adanya tokoh-tokoh sedemikian mencukupi untuk kita mengembangkan seni muzik tanahair.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, cuma saya ingin mengingatkan Tuan Yang di-Pertualah, Tuan Yang di-Pertua dulu duduk di sini, jadi pandang-pandang di sini juga sikitlah. Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa tujuan Menteri Penerangan melarang artis-artis lelaki berambut panjang adalah kerana ianya tidak bersesuaian dengan budaya Timur dan juga budaya kita. Jadi bagaimana pula, adakah Menteri Penerangan akan melarang pula artis-artis wanita yang berambut pendek seperti lelaki?

Dato' Haji Fauzi bin Raji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, rambut pada wanita adalah fesyen. Jadi kita tidak ada sekatan bagi rambut sama ada dia hendak pendek atau hendak panjang, sebenarnya itu adalah kebanggaan mereka. Sebenarnya untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Penerangan

memang ada bercadang untuk meluaskan selepas ini sekatan-sekatan lain. Contohnya pakaian. Dan kepada wanita dikirakan pakaian kalau keterlaluan pendedahannya mungkin akan disekat. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada sekatan terhadap wanita yang mendedahkan umpamanya bahagian ketiak dan sebagainya. Tetapi mungkin, malahan Kementerian sedang mengkaji untuk mengetatkan etika pakaian bagi artis-artis wanita selepas ini. Rambut belum lagi ada rancangan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kementerian Penerangan tadi adalah untuk menghapuskan budaya rock. Tetapi bila melihat TV sama ada TV1, TV2 dan TV3 iklan-iklan yang menggambarkan lebih dahsyat daripada rock, terkangkang, terkoyak, tersiat misalannya. Adakah Kementerian Penerangan akan menghapuskan iklan yang begitu tidak senonoh daripada pandangan masyarakat untuk menghapuskan budaya rock?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Jawabnya dalam tindakan Kementerian, bukan dalam program-program hiburan sahaja termasuk iklan, drama dan sebagainya, semua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang akhir. Tuan Azman Atar .

Tuan Azman Atar bin Othman: Sepatutnya Tuan Yang di-Pertua kena beri saya dulu tadi sebab ini soalan saya sendiri. Tetapi. tidak apa, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat yang bertanggungjawab di atas Kementerian Penerangan. Saya mengucapkan syabas atas jawapannya tadi. Saya amat bersetuju tujuan Kementerian Penerangan untuk hendak mengelakkan budaya rock. Saya ingin tahu adakah satu daripadanya juga sebab Kementerian Penerangan sudah mengkaji bahawa

budaya rock ini boleh menyalahi daripada agama Islam kita kerana sudah keterlaluan. Dan kalau ya pun, kenapa tidak Kerajaan kita tunggu sehingga Kelantan mengadakan hukum hudud baru kita hendak adakan pelaksanaan sekatan semacam mana yang dibuat oleh Kementerian Penerangan sekarang?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan dan RTM apabila kita menggariskan panduan-panduan bagi kegunaan kita sendiri kita lakukan demi kepentingan masyarakat umum dan tidak ada kaitan dengan fakta politik. Sebenarnya tujuan kita ialah untuk menjaga dan mempertahankan maruah bangsa kita khususnya generasi akan datang. Berlainan dengan Kerajaan di Kelantan mereka menyatakan masalah hukum hudud ini hanya untuk mempolitikkan agama bagi kepentingan parti dia sendiri. Jadi kita tidak mahu terheret dalam kancuh politik Kerajaan Negeri Kelantan kerana banyak lagi sebenarnya pada pandangan saya hukum-hukum yang boleh dilaksanakan tetapi mengapa dipilih hukura hudud yang tidak boleh dilaksanakan oleh Kelantan tanpa membawa kepada Federal. Jadi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berbeza dengan Kerajaan di Kelantan, kita mengambil tindakan berasaskan kepada perasaan tanggungjawab kita dan consnience kita kepada masyarakat kini dan masyarakat akan datang. Terima kasih.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya cuma ingin bertanya iaitu adakah sekatan oleh Kementerian .Penerangan ini hanya kepada TV1 dan TV2 ataupun juga dikenakan juga kepada TV3? Sebab kalau hanya TV1 dan

TV2 dia boleh masuk TV1, ramai juga yang tengok TV3. Maka; tidak berkesan sekatan ini.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman; Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya isu budaya rock ini cukup diminati oleh Yang Berhormat Senator-Senator. Sebenarnya hasrat Kementerian Penerangan adalah untuk mencukupi semua rangkaian TV baik TV1, TV2, TV3 dan kalau ada di masa akan datang TV4, TV5 dan TV6 kepada semuanya.

Tuan Yang di-Pertua, harapan kita adalah juga kepada media cetak iaitu the prints media sama ada akhbar ataupun majalah-majalah, Kita mohon kerjasama dengan akhbar-akhbar tempatan dan majalah-majalah agar sama memainkan peranan yang positif.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita juga meminta kerjasama daripada semua Kerajaan tempatan di dalam pementasan semua artis-artis tempatan nanti ataupun dari luar negeri kita memohon agar mereka memberi kerjasama supaya membantu menyekat penularan budaya yang cukup asing bagi kita.

IKLAN UCAPAN TAHNIAH DI AKHBAR

3. **Tuan Saad bin Haji Man** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan sedar terdapat jabatan-jabatan Kerajaan, agensi-agensi kewangan badan-badan berkanun serta syarikat-syarikat milik Kerajaan dengan sewenang-wenangnya mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk menyiarkan iklan ucapan-ucapan tahniah kepada individu-individu dan akhbar-akhbar, Apakah Kementerian pula bercadang untuk menyediakan satu garis panduan kepada semua jabatan-jabatan Kerajaan, agensi-agensi dan anak-anak syarikat milik Kerajaan mengenai perkara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengeluarkan arahan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.3/1989 yang melarang pegawai-pegawai awam memberikan kebenaran bagi ucapan-ucapan tahniah, terima kasih dan takziah disiarkan di akhbar-akhbar atau mana-mana media massa yang lain oleh pihak swasta, persatuan, pertubuhan, orang perseorangan atau raana-mana kumpulan orang kerana ianya adalah tidak sejajar dengan Perintah-perintah Am Pegawai Awam, (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab D). Pekeliling ini adalah juga terpakai bagi badan-badan berkanun tetapi tidak meliputi syarikat-syarikat Kerajaan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat Tahun 1985 di mana dengan demikian sekiranya terdapat Jabatan Kerajaan ataupun agensi Kerajaan atau badan-badan berkanun yang menyiarkan iklan ucapan-ucapan tahniah tindakan akan diambil untuk memastikan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 itu dipatuhi dengan sepenuhnya.

Bagi syarikat-syarikat: Kerajaan penyiaran iklan dalam media massa adalah terserah kepada budi bicara Lembaga Pengarah syarikat-syarikat berkeadaan.

SENJATA RINGAN - PEHGELUARAN

4. Puah Hajah Che Pora binti Haji Omar minta Menteri Pertahanan menyatakan:-

- (a) adakah Kerajaan bercadang mewujudkan industri senjata ringan dalam negara. Ini penting bagi negara mempunyai industri senjata sendiri dan dapat menjimatkan pengaliran wang keluar negara; dan.
- (b) setakat ini adakah Kerajaan bercadang untuk menjualkan 34 buah jet pejuang A-4 Skyhawk yang terdarapar di Arizona ataupun membaikpulih pesawat tersebut bagi kegunaan TUDM .

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Malaysia Explosive Sdn Bhd. (SME) adalah sebuah Syarikat Kerajaan Malaysia telah terlibat dengan pengeluaran senjata ringan seperti berikut:-

- (i) Senapang tempur AUG 5.56 nrm;
- (ii) Peluru senjata kecil
- (iii) Bom asap, bom tangan, mortar bom dan peluru senapang patah.

Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua,- soalan tambahan. Ingin saya tahu apakah progress kaunsil industri pertahanan yang ada berkaitan dengan soalan ini. Adakah kaunsil itu raasih bergerak lagi atau tidak?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kaunsil yang berkenaan masih wujud dan kita sentiasa menerima cadangan-cadangan dan mana yang dapat disesuaikan dengan keadaan akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarabung sedikit jawapan tadi bagi bahagian (b) Kerajaan bercadang untuk menjual 34 buah pesawat yang sekarang berada di kawasan pengetoran di Arizona, Kerajaan telah raelantik AIROD pada 30.12.89 untuk menguruskan penjualan pesawat-pesawat tersebut. Tempoh yang diberikan kepada AIROD telah berakhir pada 31hb Disember 1991 dan AIROD telah didapati tidak berjaya untuk menjual pesawat-pesawat berkenaan. Oleh itu KEMENTAH sedang mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan untuk menguruskan penjualan pesawat-pesawat tersebut secara tender.

DERMAGA UNTUK KAPAL PELANCONG

5. **Dato' Ng Thian Hock** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa keperluan dan kemudahan lebih lengkap bagi keluar masuk pelancong-pelancong yang semakin bertambah menggunakan pengangkutan laut. Apakah pembesaran dermaga-dermaga Pelabuhan Kelang yang menelan belanja ratusan juta ianya tennasuk kompleks (jeti atau dermaga) yang lengkap bagi kemudahan pelancong-pelancong yang keluar masuk negara ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan dan Lembaga Pelabuhan Kelang mengalu-alukan pelancong melawat negara ini. Projek pembesaran Pelabuhan Kelang iaitu Pelabuhan Barat di Pulau Lumut mempunyai rancangan meraperuntukkan satu dermaga untuk kapal-kapal pelancong. Bagaimanapun ianya adalah bergantung kepada permintaan pada ketika itu.

Buat masa ini dermaga-dermaga yang sedia ada di Pelabuhan Kelang merupakan common user, dengan izin, bermakna tidak menjadi masalah menerima kapal-kapal pelancong. Kapal-kapal pelancong juga diberi keutamaan dari segi mendapatkan dermaga untuk berlabuh. Di samping itu, terdapat bot-bot penumpang yang membuat perjalanan dari Pelabuhan Kelang ke Dumai dan Belawan dan Lerabaga Pelabuhan Kelang telah memberikan kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuknya.

PENERBITAN YANG DIHARAMKAN

6. Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa banyakkah media massa yang diharamkan kerana tidak raengikut peraturan dari Januari 1991 hingga Mac 1992.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, sejak Januari 1991 hingga Mac 1992 sejumlah 118 buah penerbitan telah diharamkan oleh Kementerian ini kerana raerauatkan rencana atau gambar yang bercanggah dengan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan Kementerian Dalam Negeri akan ambil terhadap akhbar Tamil yang melaporkan Laporan Parllmen dengan tujuan memutarbelitkan pembaca-pembaca?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sentiasa berwaspada dan mengawal apa yang diterbitkan oleh semua akhbar termasuk akhbar Tamil dan dari semasa kesemasa apabila dapat sahaja rencana-rencana yang rnempunyai kesan negatif sehingga ianya boleh memudaratkan ketenteraman ataupun keselamatan, maka kita akan ambil tindakan. Jadi, sebaik sahaja bukti-bukti ataupun sejauhmana laporan yang negatif itu dapat kita kumpul kita akan ambil tindakan mengikut Aktia Mesin Cetak dengan sewajarnya.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pihak Kementerian Dalam Negeri bercadang untuk memastikan supaya pengeluaran buku-buku juga termasuk dalam Akta Mesin Cetak sepertimana yang telah dinyatakan tadi, kerana kita tidak mahu terdapatnya buku-buku yang dikeluarkan oleh penulis-penulis upahan secara bersiri seperti majalah-majalah juga.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya buku-buku adalah termasuk di dalam Akta ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sebenarnya kita sudah ambil banyak tindakan. Selama ini dalam tahun-tahun yang lepas semenjak tahun 1985 sehingga hari ini sebanyak 396 jenis media massa ataupun penerbitan telah kita haramkan. Di antara 300 lebih ini kebanyakannya adalah buku-buku yang telah memasukkan rencana-rencana ataupun isi kandungan yang boleh memudaratkan ketenteraman ataupun yang boleh mencemarkan fikiran terutamanya golongan generasi muda di negara kita.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang disebutkan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri mengenai peranan-peranan akhbar yang boleh menyebabkan perkara-perkara negatif terutama kepada generasi-generasi muda, saya ingin memohon satu pertanyaan apakah akhbar Harakah yang sedang dijual di seluruh negara pada hari ini yang telahpun membuat fitnah secara langsung kepada pemimpin-pemimpin negara, yang telahpun menyebarkan dan menghasut rakyat secara terbuka tidak dianggap sebagai satu perkara negatif yang menghasut generasi-generasi muda pada masa sekarang?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, peranan akhbar yang dikatakan negatif itu ada banyak unsur. Di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, kita ada banyak aspek yang kita kena kaji saraa ada dari segi keselamatan, dari segi pendidikan ataupun dari segi tnoral dan terdapat satu unit kawalan penerbitan di bawah Kementerian ini yang mempunyai kakitangan yang dikirakan sebagai kakitangan yang pakar untuk menentukan saraa ada sesuatu itu negatif atau tidak. Sepertimana telah selalu Kementerian mengingatkan media massa, kadang-kadang sesuatu kesan negatit itu tidak timbul dalam satu artikel sahaja, mungkin dia ada pertimbunan (accumulative) sehingga sampai ke satu tahap apabila kesan negatif itu begitu bertimbun sehingga boleh memudaratkan keadaan negara kita, maka unit itu akan terus mengainbil tindakan termasuk mengharamkan sesuatu penerbitan akhbar itu.

Apa yang disebut oleh Yang Berhormat roengenai akhbar Harakah tadi, Harakah ini adalah satu suara parti kepada PAS iaitu seperti berita-berita ataupun suara parti yang lain, Kementerian Dalam Negeri sejajar dengan Akta Penerbitan tidak membenarkan artikel-artikel atau akhbar ini diedar atau dijual kepada orang luar iaitu bukan ahli. Itu memang satu syarat. Walau bagaimanapun Kementerian sedar ada juga di antara parti-parti, terutamanya parti Pembangkang khasnya dari PAS dan DAP yang selama ini selalunya mereka ini tidak menghiraukan syarat ini dan dia jual juga artikel-artikel yang didalamnya ada unsur-unsur yang cukup negatif dan kadang-kadang boleh membimbangkan, Untuk makluman Dewan ini,kita sudah memerhati dengan tepat dan dengan terperinci dan sekiranya mereka tidak memberhentikan semua tingkah-laku yang melampau ini satu hari kita akan ambil tindakan yang sewajarnya.

EKSPORT KAYU TROPIKA KE EROPAH

7. **Puan Hajah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah jalan penyelesaian bagi mengeksport bahan-bahan parkayuan buatan Malaysia di negara-negara Eropah yang telah menjadi cacian dan cemuhan oleh negara asing melalui pelajar-pelajar dan murid-murid sekolah, yang menyebabkan tersekatnya eksport kayu tropika ke Eropah kerana tuduhan negara ini menjalankan aktiviti merosakkan alam sekitar.

1.6.92

54. **Tuan Tiong Thai King** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan negara Barat serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) mengamuk menjalankan kempen menentang penggunaan kayu tropika, adakah Kementerian mengambil tindak balas. Jika ada, apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan dari Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King pada 1hb Jun, 1992 secara sekaligus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang maklum bahawa kumpulan pendesak alam sekitar di Barat kini mula menjalankan kegiatan tertcasuk mempengaruhi pemikiran pelajar-pelajar sekolah melalui program-program tertentu untuk menyemai perasaan benci kepada kegiatan yang merosakkan hutan tropika.

Kempen anti kayu tropika ini didapati banyak mengandungi maklumat yang kurang tepat dan mengelirukan untuk simpati dan sokongan masyarakat dunia supaya menmlau kegunaan dan pengimportan

kayu tropika termasuk dari negara ini kononnya untuk menyelamatkan hutan tropika dunia. Memandangkan keadaan ini timbul disebabkan oleh kurang kefahaman masyarakat antarabangsa mengenai kedudukan dan amalan pengurusan hutan di negara ini, maka usaha-usaha yang dijalankan untuk memerangi kempen anti kayu tropika adalah dengan cara membetulkan tanggapan dan meyakinkan masyarakat dunia mengenai amalan pengurusan hutan di negara ini dan juga komitmen negara terhadap pemeliharaan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, di antara strategi dan usaha-usaha yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk memerangi kempen ini adalah seperti berikut:-

- (i) Menerbitkan .beberapa buah buku risalah , dan video bagi menerangkan secara lebih tepat mengenai amalan pengurusan hutan di negara ini. Antaranya buku 'Forestry in Malaysia',. 'Malaysian Rainforest - A living Resource', risalah 'Malaysia - Home of The Evergreen" dan 'video 'Forestry in 'Malaysia' Sebuah buku lagi iaitu "Malaysia and .Sustainable Forest Managament akan diterbitkan tidak lama lagi.

- (ii) Penghantaran misi ke beberapa buah negara di mana kempen anti kayu tropika dijalankan untuk menemui pihak-pihak tertentu bagi menerangkan dasar negara ke atas amalan pengurusan hutan serta isu-isu berkaitan. Umpamanya, pada tahun 1988 satu misi yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah melawat beberapa buah negara Eropah diikuti dengan misi peringkat Menteri ASEAN pada tahun 1990. Pada awal bulan Mei yang lalu, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama sekali lagi telah mengetuai satu misi kayu-kayan ke beberapa buah negara Eropah untuk memerangi kempen ini. Misi bersama dengan Indonesia juga sedang dirancang untuk melawat Jepun dan Australia.
- (iii) Malaysia telah dan akan terus memainkan peranan aktif dalam forum-forum antarabangsa bagi membuktikan kepada masyarakat dunia bahawa negara ini sentiasa mengambil berat ke atas pemeliharaan dalam sekitar dan sumber hutan.
- (iv) Menjemput misi Pakar Pertubuhan Kayu Tropika Antarabangsa (ITTD) membuat penilaian terhadap pengurusan hutan di Sarawak.

- (v) Menubuhkan Jawatankuasa Kerja Bersama dengan Indonesia dibidang perhutanan yang mana antara lain bertujuan untuk membentuk pendekatan dan strategi bersama untuk memerangi kempen anti kayu tropika.
- (vi) Mengarahkan pihak Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) untuk mengeluarkan sijil bagi mengesahkan bahawa kayu-kayan Malaysia yang dieksport adalah diperolehi dari hutan yang diurus secara berkekalan.
- (vii) Menyelaras dan menyediakan maklumat bagi membantu perwakilan .Malaysia di luar negeri untuk menghadapi tindakan yang dibuat oleh kumpulan-kumpulan pendesak alam sekitar.
- (viii) Menjalinkan kerjasama dengan negara luar dibidang perhutanan bagi membolehkan negara berkenaan lebih memahami pengurusan hutan di negara ini. Umpamanya memeterai Memorandum Persefahaman dengan Kerajaan United Kingdom pada 15 Mei yang lalu.
- (ix) Menyelaras dan menyediakan maklumat bagi membantu perwakilan Malaysia di luar negeri untuk menghadapi tindakan yang dibuat oleh kumpulan-kumpulan pendesak alam sekitar.
- (x) Menjadi hos kepada delegasi-delegasi asing untuk meninjau sendiri keadaan pengurusan hutan di negara ini.

- (xi) Mengadakan dialog dengan kumpulan-kumpulan NGO's untuk mendapat pandangan mereka mengenai pengurusan hutan di negara ini serta menjelaskan keadaan sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, Kerajaan akan terus memperbaiki kelemahan di dalam pengurusan hutan di negara ini bagi memastikan pengurusan hutan secara berkekalan dapat dicapai menerusi penentuan kadar catuan tebangan tahunan, tambahan kakitangan serta bantuan kewangan untuk meningkatkan pengawasan ke atas aktiviti perhutanan dan pembalakan haram.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama. Adakah benar bahawa ada beberapa orang rakyat negara Malaysia kita yang terlibat dalam kempen anti kayu tropika? Kalau ini benar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Perusahaan Utama?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, memang benar, kita telah dapat mengesan bahawa ada beberapa orang rakyat Malaysia yang terlibat, malah pada peringkat awal dahulu ada satu, dua orang Ahli Parlimen yang telah cuba memainkan peranan di luar negara,

Kementerian ini sedang mengambil tindakan dan mengikuti jejak langkah mereka. Insya Allah, kalau tindakan itu diteruskan, tindakan yang serius akan diambil kepada mereka yang berkenaan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar tadi bahawa segala usaha kita untuk memerangi kempen anti kayu tropika dengan menggunakan perbelanjaan yang banyak dan kita telah berjalan ke seluruh negara di dunia. Oleh sebab perbelanjaan yang digunakan begitu banyak, apakah kesan yang kita dapati hasil daripada kempen yang kita buat?

Yang kedua, kita telah mengenalpasti bahawa rakyat negara kita dan juga Ahli Parliroen tadi . ada terlibat dalam anasir memburuk-burukkan tentang kayu tropika di negara kita, apakah sebabnya terlalu lambat atau terlalu lemah kita mengambil tindakan serta-merta, sedangkan negara-negara asing apabila sahaja pengkhianatan berlaku di dalam negara mereka, mereka mengambil tindakan dengan tidak bertanggung-tanggunglagi.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, tentang kesan yang telah kita ambil itu, agak begitu berjaya kerana selepas rombongan demi rombongan, maka negara-negara yang terlibat memahami tentang bagaimana pengurusan hutan secara berkekalan dapat kita adakan. Dan kes yang sama juga berlaku kepada minyak sawit. Minyak sawit, kita terpaksa membelanjakan wang yang banyak dan memakan masa tetapi alhamdulillah, Sehingga ini, negara-negara khususnya Amerika Syarikat telah mengakui hakikat kebaikan kelapa sawit kita, selepas kita memeranginya habis-habisan.

Walaupun perbelanjaannya; besar, tetapi perbelanjaannya sebahagian besar ditanggung oleh pengusaha-pengusaha yang berkenaan kerana sebahagian besar belanja ini dipungut dari levi-levi yang dikenakan kepada pengeksportan balak ataupun kayu-kayu gergaji.

Tentang tindakan terhadap rakyat Malaysia atau Ahli Parlimen yang mengkhianati negara, mengapa kita lambat mengambil tindakan, saya rasa sebagai sebuah masyarakat majmuk, memang kita terpaksa memberi peluang. Kerajaan Barisan Nasional yang ada ini memang baik hati, memberi peluang demi peluang tetapi sekiranya peluang itu tidak diendahkan, maka tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Tuan Haji Zainal bin Md. Deros: Tuan Yang di-Pertua, soalan tarabahan. Maksud Yang Berhormat tadi dalam masalah kempen memburukkan kayu tropika ini adakah Ahli-ahli Parlimen yang terlibat tadi, Ahli Parlimen yang datangnya daripada parti mana, sama ada parti komponen Barisan Nasional ataupun parti-parti lawan di dalam negara kita.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu tidak menduduki mana-mana parti, parti bebas.

SISTEM SARAAAN BARU - KENAIKAN GAJI TAHUNAN

8. **Puau Law Jack Yoon** minta Perdana Menteri menyatakan mengenai:

- (a) Sistem Saraan Baru 1992 yang telah wujud 4 pergerakan gaji, iaitu 5 peratus kakitangan Kerajaan akan statik dalam pergerakan gaji, 90 peratus mendatar pergerakan gaji, 3 peratus meagak pergerakan gaji dan 2 peratus melintang pergerakan gaji, bagaimanakah prestasi kerja seseorang pekerja akan dinilai; dan
- (b) apakah bukti bahawa penilai itu adalah 100 peratus adil serta saksama dan tidak ada sebarang penyelewengan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Sistem Saraan Baru (SSB) yang baru dilaksanakan adalah berteraskan prestasi kerja anggota Perkhidmatan Awam bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan Sektor Awam keseluruhannya. Ini bermakna pergerakan gaji seseorang anggota itu, sama ada secara melintang, menegak, mendatar atau statik, akan bergantung kepada tahap pencapaian dan cara pelaksanaan kerja tahunan dan tanggungjawab yang diberikan kepadanya. Suatu kaedah penilaian prestasi tahunan ini sedang digubal oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama Ketua-ketua Kementerian, Jabatan

dan perkhidmatan negeri-negeri. Kaedah baru ini akan hanya digunakan bagi penilaian prestasi kerja serta bagi pergerakan gaji tahunan anggota Perkhidmatan Awam di bawah SSB mulai tahun 1993.

- (b) Sistem atau kaedah penilaian prestasi kerja yang baru ini akan mengandungi aspek-aspek yang boleh diukur secara objektif seperti aspek hasil kerja, selain dari aspek-aspek pengetahuan dan kemahiran kerja yang menentukan tahap kualiti keluaran (output) seseorang pekerja. Bagi menentukan penilaian dibuat secara adil dan saksama, seseorang pekerja akan dinilai lebih daripada seorang penyelia. Di samping itu, suatu Panel Penyelaras Penilaian akan ditubuhkan di peringkat Kementerian atau Jabatan untuk memastikan bahawa penilaian prestasi kerja dan pergerakan gaji dilaksanakan secara objektif, adil dan saksama. Dalam pada itu, usaha-usaha bagi memberi pemahaman dan panduan kaedah penilaian yang objektif dan adil akan dibuat sebelum sistem penilaian prestasi tahunan yang baru ini dilaksanakan sepenuhnya.

Tuan Haji Shuib bin Shawal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pihak Kerajaan sedar dengan terlaksananya Sistem Saraan Baru, terdapat beberapa pegawai ataupun dalam kumpulan-kumpulan tertentu yang dahulunya tergolong dalam kurapulan profesional tetapi sekarang setelah masuk dalam SSB, mereka digolong dalam kakitangan sokongan sahaja. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:

Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar daripada soalan asal, "walaupun demikian, saya akan menjawabnya. Apabila Akta yang sudah dikemukakan, kepada Dewan ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, Kerajaan memberi satu mekanisme iaitu mempunyai Tribunal di mana mana anomali-anomali yang berlaku akan dikemukakan kepada Tribunal tersebut.

HAD BERAT MUATAN KENDERAAN MENGGUNAKAN JALAN RAYA

9. **Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Kerja Raya raenytakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah kenderaan pengangkutan dilarang memasuki atau melalui jalan-jalan JKR yang terhad dengan 7 tan sahaja di seluruh negeri Perak memandangkan semasa tahun 2020 negara akan maju menjadi negara perindustrian.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan-jalan yang dihadkan kepada 7 tan bukannya Jalan-jalan Persekutuan di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, tetapi sebaliknya Jalan-jalan Negeri. atau jalan-jalan kecil seperti jalan-jalan masuk ke perkampungan. Jalan-jalan ini adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Kerja Raya telah meminta supaya had muatan semua jalan-jalan negeri yang masuk ke Kawasan Perindustrian hendaklah bersesuaian dengan had muatan di jalan-jalan Persekutuan. Ini adalah untuk membolehkan muatan diangkut dari dan

kepada kawasan perindustrian tersebut. Adalah difahamkan bahawa Had Berat Muatan bagi Jalan-jalan Negeri dalam Negeri Perak Darul Ridzuan sedang dikaji semula dan had muatan baru ini akan diwartakan oleh Kerajaan Negeri Perak selepas diteliti kajian tersebut.

KEMASUKAN PELAWAT ASING - TUJUAN SEBENAR

10. **Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pelawat asing masuk atas lawatan sosial ke negara ini tetapi kemudiannya membuat liputan mendapatkan berita yang kemudiannya memburuk-burukkan Malaysia sekembalinya ke negara mereka. Ini merujuk kepada kempen mendakwa orang Penan Sarawak ditindas. Bolehkah Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah cara cadangan terhadap perkara berikut:

- (a) mengawasi kemasukan pelawat asing dan memastikan tujuan sebenar mereka ke negara ini; dan
- (b) menghadkan perjalanan mereka di dalam negeri dengan mengatur perjalanan pelawat asing secara pakej sahaja.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sememangnya mengawasi kemasukan pelawat asing ke negara ini hanya untuk tujuan tertentu sahaja. Sesiapa yang melanggar syarat pas boleh diambil tindakan di bawah Akta Imigresen 1959/63. Bagi mereka yang berminat untuk merabuat liputan berita atau filem, Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Filem Asing yang bertujuan untuk mengawal kegiatan mereka supaya tidak bertentangan dengan kepentingan negara.

- (b) Kerajaan tidak bercadang menghadkan perjalanan pelawat asing di dalam negeri, selain daripada ketempat-tempat larangan. Walau bagaimanapun, perjalanaa mereka secara pakej turut digalakkan.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen berkenaan adakah Kerajaan juga bercadang untuk raelarang orang-orang Penan dibawa oleh pihak-pihak tertentu untuk ke luar negeri, kerana baru-baru ini kita dimaklumkan bahawa ada juga orang-orang Penan dibawa ke luar negeri untuk menjadi exhibit, dengan izin.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah sebuah negara yang benair-benar mengainalkan prinsip berdemokrasi. Kita tak boleh sekat mana-rnana rakyat untuk keluar-masuk negara sekiranya mereka itu keluar masuk secara teratur. Walau bagaimanapun, Kerajaan raeraang berwaspada cerhadap pihak-pihak tertentu yang cuba memperalatkan setengah-setengah terutamanya kaum Penan ini untuk cuba memberikan satu gambaran bahawa negara ini adalah tidak adil kepada golongan tertentu. Apa yang Kerajaan boleh buat ialah kita cuba mendedahkan semua plot-plot ataupun segala rancangan yang kurang sihat itu dan kita cuba memberitahu terutamanya kepada kaum-kaura Penan yang tertentu supaya tidak jatuh ke dalam perangkap mereka. Dan juga kita akan berwaspada terhadap mereka yang cuba, masuk dengan mempunyai motif yang tertentu. Maka dari segi itu, pihak berkuasa terutamanya pihak Imigresen dan juga pihak Polis akan boleh berdasarkan maklumat yang kita dapati, bukan sahaja kita boleh

mengambil tindakan apabila adanya bukti mereka hendak buat sesuatu, tetapi kita boleh juga senarai-hitamkan mereka yang dari negara asing itu telah merapunyai satu niat yang tak betul masuk ke negara kita, sampaikan pintu hendak masuk ke negara kita pun kita akan larangkan mereka. Dari segi Itu lebih elok daripada sekat rakyat kita sendiri.

Tuan Ding Seling: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan tambahan lagi?

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Ding Seling: Mengikut Setiausaha Parlimen Kementerian Dalara Negeri tadi menyatakan Kerajaan ada memberi kebenaran kepada pihak-pihak tertentu untuk membuat rakaman ataupun datang ke negara kita ini untuk membuat filem. Tetapi seperti yang kita maklum, ada satu kurapulan tidak lama dahulu yang datang ke negara kita ini, khususnya di Sarawak, yang telah membuat satu rakaraan filerm yang sebenarnya adalah diluluskan ataupun yang disahkan oleh kita, tetapi apabila mereka balik ke negara raereka, mereka hanya tunjukkan aspek-aspek yang memburukkan kita. Soalan saya ialah apakah tindakan Kerajaan unnuk menyekatkan perkara-perkara yang begini boleh berlaku sehingga yang sah atau yang kita benarkan itu pula disalahgunakan terhadap kita?

Tuan Oug Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya jawab tadi Kerajaan telahpun menubuhkan satu Jawatankuasa Filem Asing. Mana-mana pihak kalau hendak masuk ke negara kita untuk merakamkan sesuatu, mereka kena mengemukakan apa sebenarnya isi kandungan sesuatu rakaman yang hendak dijalankan itu sebelum pihak berkuasa akan meluluskannya.

Bagi mereka yang selepas rakaman itu cuba mengambil bahagian yang mungkin memburukkan negara kita, itu maknanya mereka sudah tidak mengikut peraturan ataupun mengikut apa yang pada asalnya mereka minta bila masuk, Kerajaan tentu akan memastikan mereka ini tidak akan ada peluang lagi masuk, tetapi selalunya Jawatankuasa ini akan mengkaji filem itu secara keseluruhan. Kalau ada mana-raana bahagian yang mungkin boleh menimbulkan sesuatu yang tidak elok, kita tidak akan membenarkan rakaman itu sama sekali. Itulah dari satu aspek kita boleh kawal dan bagi mereka yang pergi kepada satu tempat terutamanya pedalaman khususnya dalam konteks ini mulai dari-pada sekarang Kerajaan tidak akan begitu mudah sangat memberi mereka membuat rakaman sebab semua rakaman itu tentu ia ada satu tujuan. Kalau ada tujuan atau motif yang tidak baik, itu kita akan larang sama sekali.

MAJLIS PEGUAM - MENKKAJI SEKOLA PUNGSI

L1. **Tuan Foo Booa Liang** minta Menteri Undang-undang menyatakan adakah Kementeriannya bercadang untuk mengkaji semula fungsi Majlis Peguam dan apakah cadaagan-cadangan itu berdasarkan sikap Majlis Peguam yang enggan mengiktiraf Tun Hamid Omar sebagai Ketua Hakim Negara serta bertambahnya kes peguam menipu pelanggan di negara kita. Keengganan Majlis Peguam untuk mengiktirafkan Tun Hamid Omar dengan jelasnya sudah mempersendakan kuasa - DYMM Yang di-Pertuan Agong; kerana perlantikan Ketua Hakim Negara adalah mengikut Perkara 122(b)(1) Perlembagaan Persekutuan. Di samping itu, pindaan ke atas Akta Profesion .Guaman dengan mewajibkan para peguam mengambil insurans membayangkan wujudnya sekumpulan peguam yang terdedah kepada pelbagai penipuan., Nescaya cara Tabung Ganti Rugi yang di-kendalikan oleh Majlis Peguam sendiri juga patut dipersoalkan oleh Kementeriannya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak ber-cadang untuk mengkaji semula fungsi Majlis Peguam. Yang Amat Arif Tun Hamid Omar telah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Hakim Negara mengikut Undang-undang dan keengganan Majlis Peguam mengiktirafkan beliau tidak timbul.

Mengenai pindaan kepada Akta Profesion Guaman dengan mewajibkan para peguam mengambil insurans, sukalah saya menerangkan bahawa Skim Insurans Indemniti Profesional ini bertujuan untuk memberi perlindungan kepada orang awam di mana tuntutan boleh dibuat terhadap kerugian yang dialami akibat dari kecuaiian peguam-peguam yang mengendali kes-kes mereka. Skim insurans ini juga akan dapat melindungi peguam-peguam yang mengamal undang-undang terhadap liabiliti mereka selain daripada melindungi pihak tetuan guaman itu sendiri daripada apa-apa tuntutan pihak klien akibat kecuaiian mana- mana peguamnya. Oleh itu, soal sama ada dengan mewajibkan insurans membayangkan wujudnya sekurupulan peguam yang terdedah kepada pelbagai penipuan tidak timbul.

Mengenai cadangan supaya cara tabung ganti rugi dikendali oleh Majlis Peguam patut dipersoalkan, sukacita saya menyatakan isu ini tidak timbul oleh kerana terdapat peraturan-peraturan tertentu bagi maksud mentadbir tabung itu.

Tuan Haji Mohamed Nazri btn Abdul Aziz: Saya kurang faham dengan jawapan Setiausaha Parlimen sebentar tadi yang mengatakan bahawa Yang di-Pertuan Agoag telah melantik Ketua Hakim dan dia kata tidak timbul soal Majlis Peguam tidak iktiraf, tetapi yang saya

tahu, banyak tindakan yang telah diambil oleh Majlis Peguam untuk tidak mengiktirafkan Tun Hamid Omar. Jadi, saya minta penjelasan sedikit tentang jawapan beliau tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh jawab?

Tuan Douglas Uggah Embas: Seperti saya kata dalam jawapan saya tadi, perlantikan Yang Amat Arif Tun Hamid Omar oleh Duli Yang Maha Mulia adalah mengikut lunas undang-undang dan Perlembagaan kita, maka sama ada Majlis Peguam mengiktiraf atau tidak, itu tidak timbul sama sekali kerana perlantikan itu adalah mengikut undang-undang. Kalau Majlis Peguam ada mempunyai pandangannya sendiri, itu ter-
pulang kepada Majlis Peguam dan saya tidak akan menyeretkan isu ini lebih lanjut kerana banyak telah dibincangkan mengenai isu ini di dalam Dewan dan di luar Dewan juga, terima kasih.

RAKYAT MAJLAYSIA BEKERJA DI LUAR NEGARA

12. Tuan Rahim bin Baba minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) berapakah bilangan pekerja Malaysia yang bekerja di luar negara dan pecahan jenis pekerjaan yang dilakukan di luar negara; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan supaya pekerja-pekerja ini balik bekerja di negara ini bagi menampung kekurangan tenaga kerja yang sedang dihadapi oleh negara.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan Malaysia mengamalkan dasar ekonomi terbuka dalam pasaran bebas, di mana rakyat Malaysia ini

tidak disekat untuk bekerja di negara-negara luar. Oleh itu Kerajaan juga tidak menyimpan rekod mengenai bilangan rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara serta jenis pekerjaan yang mereka lakukan.

- (b) Kerajaan memang menggalakkan rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri untuk kembali dan bekerja bagi memenuhi peluang-peluang pekerjaan yang banyak terbuka sekarang. Bagi tujuan itu, Kerajaan sentiasa menggesa supaya pihak industri memperbaiki kadar upah dan syarat-syarat serta terma perkhidmatan bagi pekerja supaya dapat menarik rakyat negara ini, termasuk yang sedang bekerja di luar negara, untuk bekerja dengan industri dalam negara sendiri.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kami mengetahui apakah sebabnya rakyat negara ini pergi bekerja di negara asing? Adakah Kementerian berpendapat kemudahan kerana gaji yang lebih atau tidak ada jawatan itu dalara negara ini, atautah memang mereka itu membenci negara ini sendiri?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan dari Yang Berhorraat berkenaan, tadi saya sudah memberitahu bahawa kita mengamalkan dasar ekonomi terbuka di mana pekerja-pekerja suka mencari kerja sendiri, oleh itu Kementerian saya ataupun Kerajaan tidak mahu menyekat mereka untuk bekerja di negara-negara luar.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi timbalan. Menteri menjawab bahawa dia tidak ada data berkenaan dengan mereka yang bekerja di luar negeri. Saya ingin bertanya apakah Kerajaan merasakan bahawa-bagi mereka yang bekerja di luar negeri itu selepas sahaja meninggalkan Malaysia, maka kebajikan mereka itu tidak perlu kita ambil kira sehinggakan langsung kita tidak arabil minat untuk menyimpan data. Pada saya, saya rasa ini merupakan perkara yang penting sebab walaupun mereka bekerja di luar, tetapi mereka menghantar segala hasil balik ke negara kita. Soalan saya itulah, kerana saya agak terkejut tidak ada data, apakah kita tidak fikirkan untuk mengadakan data kerana mereka ini merupakan rakyat Malaysia juga?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Yang Berhormat adalah baik, tetapi raraai pekerja-pekerja ke luar negeri bukan meminta izin dari Kerajaan kita, mereka keluar sebagai seorang pelancong di negeri-negeri lain sebab itu kita tidak ada rekod. Inilah yang menjadi masalah sekarang.

Tuan Kg. Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Memandangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Kementerian Sumber Manusia telah menyatakan bahawa mereka meminta pihak kilang-kilang meningkatkan bayaran gaji, tetapi nampaknya walaupun setengah-setengah kilang telah meningkatkan bayaran gaji, tetapi mereka masih menghadapi kekurangan pekerja. Jadi, untuk mengatasi kekurangan tenaga kerja, Kementerian ataupun Kabinet telah pun membuat satu keputusan bahawa kilang-kilang di Semenanjung Malaysia boleh mengambil pekerja-pekerja dari Sabah dan Sarawak. Saya suka

mengemukakan satu soalan tarabahan iaitu adakah Kementerian Sumber Manusia sedar bahawa apabila kilang-kilang daripada Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak untuk mengambil pekerja, mereka telah dihalang oleh Kerajaan Negeri di sebelah sana?

Dato' M. Mahalingam: Tidak.

Tuan C. Krishan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tidak pertikaikan tentang ekonomi terbuka. Apabila sesuatu peperangan berlaku seperti Gulf Crisis, macam mana Kerajaan boleh mengetahui rakyat Malaysia kita telah jadi mangsa? Apakah cadangan Kementerian Sumber Manusia supaya kita benar-benar ada satu rekod berapakah rakyat Malaysia bekerja di luar negeri?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya sudah jawab soalan itu. Saya tidak ada apa-apa perkara yang lanjut.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapannya ialah tidak ada cadangan untuk membuat rekod.

KWSP - KADAR DIVIDEN ATAS CARUMAN

13. **Tuan Tiong Thai King** minta Menteri Kewangan menyatakan:
- (a) apakah kadar dividen ke atas caruman pekerja boleh diselaras semula dan dinaikkan hingga 8.5% setahun, memandangkan bahawa kadar faedah deposit tetap di bank-bank talah 8.5% setahun, di institut kewangan 8.35% setahun, dan kadar dividen ke atas caruman berturut-turut dari tahun 1988 hingga 1991 adalah pada 8.0% setahun;
 - (b) adakah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja digunakan untuk melabur di negeri Sarawak; jika ada sejumlah berapakah yang telah dilaburkan hingga kini untuk membawa faedah secara langsung kepada rakyat dan pembangunan negara ini; dan

- (c) apakah tiadakan yang telah, atau akan diambil terhadap pegawai/kakitangan KWSP yang telah membuat penyelewengan dengan mengeluarkan wang caruman kepada orang yang menggunakan dokumen palsu.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua,

- Ca) Mengikut Seksyen 27 Akta KWSP, kadar dividen hendaklah diisytiharkan pada atau selepas 31 Disember pada kadar tidak kurang daripada 2.52 setahun. Walau bagaimanapun, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sejak tahun 1988, KWSP telah mengisytiharkan dividen sebanyak 8% setahun. Ini adalah lebih tinggi daripada purata kadar faedah simpanan tetap yang ditawarkan oleh bank perdagangan institusi kewangan iaitu kira-kira 6% hingga 7%.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan KWSP dikendalikan secara berpusat oleh ibu pejabat KWSP. Ia dibuat berdasarkan kajian teliti dan setelah KWSP berpuashati pelaburan tersebut akan memberi pulangan yang baik. Dasar pelaburan KWSP tidak dilaksanakan mengikut negeri-negeri, sekiranya ada projek yang memberi pulangan yang baik, tidak kira di mana projek tersebut terletak, KWSP akan memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini pelaburan KWSP di Sarawak berjumlah kira-kira \$1.15 ribu juta.

- (c) Pengurusan tertinggi KWSP telah menubuhkan sebuah Jawatankaasa Penyiasat Dalaman untuk menyiasat dengan lebih lanjut, penglibatan kakitangan dan pegawai KWSP di dalam kes penipuan pengeluaran carumannya yang telah dikenalpasti pada bulan Februari tahun ini. Kes-kes ini melibatkan pengeluaran caruman KWSP untuk membeli rumah bukan kos rendah dari orang perseorangan. Seorang Pegawai Pentadbir dan seorang Pembantu Am Rendah Kumpulan Wang

Simpanan Pekerja telah ditahan untuk disoal siasat oleh pihak Polis dan kedua-dua mereka telah dilepaskan dengan jaminan. Selain dari pegawai dan kakitangan tersebut setakat ini tidak ada pegawai lain yang ditahan oleh Polis berhubung dengan kes penipuan pengeluaran simpanan yang tersiar dalam akhbar tempatan baru-baru ini. Walau bagaimanapun, siasatan oleh pihak Polis masih lagi diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup untuk soalan.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.14 hingga 65 akan dimasukkan dalam naskah bercetak kelak]

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADOKA BAGINDA YANG
DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelapan." [25hb Mei, 1992]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat: Puan Hajah Habidah binti Jusoh menyambung ucapannya.

3.33 ptg.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyambung perbahasan saya di dalam Usul Menjunjung Kasih Titah Di-Raja, di 'Upacara Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kelapan yang terhenti senalam, di mana saya akan menyentuh di dalam Titah Ucapan yang berhubung dengan cukai. Dan saya telah mencadangkan supaya cukai pendapatan hendaklah dibayar oleh majikan, bukan dikenakan kepada setiap pekerja, kerana melalui sistem ini kerja-kerja percukaian pun tidak banyak, dan ianya menyenangkan tugas individu, dan tidak menjadi kerumitan kepada pekerja serta tidak mengganggu tanggungjawab pekerja dan pasti majikan masing-masing lebih tahu hal pekerjaanya dari pegawai cukai pendapatan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan juga ada menyentuh tentang perdagangan antarabangsa eksport dan import negara. Bila kita menyentuh mengenai perdagangan, kita terpaksa memperkatakan mengenai sejauh mana pengeluaran negara di dalam sesuatu barangan kita yang hendak dieksporth itu, dan negara manakah yang perlu barang-barang kita seperti minyak kelapa sawit sehingga hari ini belum ada usaha yang gigih, menjadikan suatu eksport yang baik kerana setahu saya, negara-negara Arab amat memerlukannya, tetapi yang menjadi masalah ialah minyak kelapa sawit kita mahal dari minyak kelapa sawit yang dijual oleh Singapura ke negeri-negeri tersebut. Apa lagi jika dibandingkan dengan minyak dari Amerika atau dari Indonesia. Kenapa ini berlaku, mungkin ada sabotaj atau

sesuatu yang tidak betul di mana-mana. Begitu juga dengan barang-barang lain.

Kita bangga dengan negara kita mengeluarkan hasil-hasilnya yang banyak di dunia, tetapi ada orang lain yang menyekat perdagangan kita di tengah jalan. Bagaimanakah perkara begini boleh terjadi? Kenapakah Singapura yang tiada apa-apa bahan mentahpun tetapi dia lebih berjaya mengeskport bahan-bahan mentah ke negara lain, sedangkan dia hanya menjadi orang tengah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, hal ini patutlah kita pelajari dan tidaklah rnenjadi kerumitan, andainya kita menghantar orang-oraag Malaysia pergi belajar ke Singapura bagairaana cara menjadi peniaga, lebih-lebih lagi di dalam bidang eksport-import, dan ekoran dari itu pihak MARA harus memainkan peranan penting untuk menubuhkan suatu bahagian di bawahnya, di dalarn bidang eksport-import ini. Dan kalaupun sudah ada perlulah diperbesarkan lagi dengan ditambah aktiviti-aktivitinya dan peruntutannya, dengan menghantarkan pelajar-pelajar kita ke negara luar untuk rneneliti perdagangan di sana dan terus berniaga ataupun dilatih belajar dan terus berniaga, bukan dihantar pegawai-pegawai sahaja kemudian diam di pejabat masing-masing, tiada apa-apa reaksi dari para peniaga muda kita.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda juga- ada menyentuh tentang pertanian, di mana sektor pertanian dan perladangan ini. sejak akhir-akhir ini nampaknya cergas, namun ianya

tertumpa kepada bahan-bahan biasa sahaja, tidak mencakup bidang-bidang lain selain dari getah, kelapa sawit dan lada hitam, sedangkan buah-buahan lain tidak begitu ketara di ambil berat.

Saya mencadangkan agar ditubuhkan satu Lembaga, Lembaga Durian Negara kerana kebun-kebun durian sekarang ini tumbuh bercambah di sana-sini, kadang-kadang tidak terkawal banyaknya dari harganya pula mengikut musim. Biarlah lembaga ini nanti memikirkan dan mentadbir ke arah mengeksport buah-buahan ini supaya ianya menjadi pasaran terbesar negara di suatu masa nanti,

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perikanan pula, kalau dilihat dari sudut nelayan laut dalam, maka dapat diambil kesimpulan, bahawa nelayan-nelayan ini makin sehari semakin pudar dan tidak dapat menjalankan kerja mereka dengan selamat kerana terdedah dengan berbagai-bagai ancaman, sedangkan di sana -hasilnya amat lumayan, tetapi yang sulitnya ialah mencari pekerja-pekerja tempatan sangatlah sukar dan tidak menjadi kerumitan kepada syarikat-syarikat itu mencari pekerja. Alangkah baiknya, seandainya diperbanyakkan lagi lesen-lesen tangkapan ikan di Laut dalam sehingga boleh kita mengeksport ikan ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kayu tropika pula, kita sedia maklum kempen negara-negara maju agar tidak menggunakan kayu tropika dan minyak sawit amatlah menyakitkan kita. Jika diperhatikan bukanlah disebabkan negara-negara maju hendak meruntuhkan negara kita, sebenarnya ada agen-agen di dalam negara kita sendiri yang menjadi tali barut orang-orang ini, sepertimana baru sebentar tadi kita mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama ada mengatakan bahawa ada di kalangan Ahli Yang Berhormat sendiri yang mengada-adakan atau berkempen supaya negara-negara luar membenci kepada kayu tropika dan minyak sawit kita.

Orang-orang ini tujuannya ialah untuk memburuk-burukkan negara ini di dalam konteks kayu tropika dan minyak sawit kita. Maka sebagaimana yang telah kita dengar sebentar tadi memang patut benarlah dikenakan hukuman yang sewajarnya kepada mereka yang cuba menjatuhkan imej negara kita. Juga mereka bertujuan untuk menjatuhkan pusingan wang kita di negara luar agar kita digelar miskin dan kembali kepada negara miskin.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan juga ada menyebut tentang pelancongan. Menyentuh mengenai pelancongan ini, Kerajaan perlu memikirkan sejauhmana kita dapat menarik pelancong asing dan tempatan ke tempat-tempat yang difikirkan sesuai telah menjadi perhatian di dunia. Lebih-lebih lagi dengan kempen menjatuhkan imej negara sebagaimana yang saya sebutkan tadi, pastilah boleh menarik pelancong-pelancong melihat sejauhmana kemusnahan yang dilakukan. Demikian juga orang Penan di Sarawak dan Sabah, tanya menjadi bahan tempat orang meneliti atau memandang negara kita. Negara atau Kerajaan perlu memikirkan bagi mengubah cara galakan pelancong-pelancong asing dan tempatan dengan diberi tambang murah atau sebagainya yang datang melalui syarikat pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan juga ada menyentuh berhubung dengan pembangunan pengangkutan, perhubungan darat, laut dan udara. .Bila kita menyedari betapa pentingnya perdagangan eksport dan import maka sudah pasti. hubungan luar amatlah perlu. Oleh itu, kemudahan-kemudahan pengangkutan darat, laut dan udara perlu diperhebatkan lagi. Begitu juga pelabuhan-pelabuhan kecil dan besar seelok-eloknya diperbaiki. Dan saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, di mana baru-baru ini kita ada terdengar

Kerajaan akan mengadakan pelabuhan sederhana di beberapa tempat di Malaysia ini. Oleh itu saya cadangkan pelabuhan itu hendaklah didirikan di- tempat-tempat yang sudah masyhur menjadi pelabuhan seperti di Kuala Terengganu misalnya. Memang sudah menjadi tradisi di situ menjadi pelabuhan penting di Pantai Timur kerana ianya terletak di tengah-tengah bandar Kuala Terengganu, dan kalau dimajukan lagi. menjadi pelabuhan, ianya akan lebih menarik pelancong kerana sungainya yang baik dan dalam, serta kalau mudik dengan menggunakan perahu atau motorbot akan sampai ke Tasik Kenyir. Dan di situ, iaitu di muka Kuala Terengganu sudah terdapat berbagai-bagai kemudahan seperti jambatan-jambatan yang terlibat dengan laut dan dermaga-dermaga, tempat motorbot - atau kapal-kapal dibaiki. Tinggal lagi untuk pembangunan yang lebih menarik, pastilah memerlukan berbagai-bagai kemudahan lain lagi untuk disesuaikan dengan nama pelabuhan.

Demikian pula dengan Lapanganterbang Kertih, Terengganu perlu diperbesarkan lagi uatuk kemudahan bukan sahaja kapal-kapal terbang kecil menjadi destinasinya di sana, bahkan boleh diturunkan juga kapal-kapal terbang Boeing atau lebih besar dari itu. Moga-moga ia akan menjadi satu lapanganterbang yang terpenting, bukan sahaja untuk kegunaan orang-orang minyak seperti sekarang, bahkan boleh digunakan juga untuk penumpang-penumpang lain dan peniaga-peniaga ataupun businessman, atau untuk pengangkutan kargo yang besar-besar dan banyak sesuai pula dengan pelabuhan Tanjong Berhala, Cukai, Kemaman menjadi pelabuhan berat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan- Diraja juga ada menyebut tentang pendidikan dan latihan. Untuk menghasilkan tahap

produktiviti dan kualiti yang lebih memuaskan, maka sudah sampai masanya kita memikirkan dan mengambil perhatian berat terhadap konsep pendidikan yang sepadu, dan usaha-usaha kearah menambahkan lagi program latihan profesional. Oleh kerana kita mempunyai hubungan langsung dengan negara-negara yang baru merdeka yang dahulunya blok-blok Komunis, kita perlu menghantar pelajar-pelajar kita ke sana untuk pandai di dalam berbagai-bagai bidang dan bahasa atau kebudayaan mereka. Dengan itu, bidang perhubungan antarabangsa kita akan lebih luas dan perdagangan kita juga akan bertambah.

Sebagai contoh, kalau seorang anak atau rakyat Russia atau negara yang baru merdeka tersebut itu menggunakan kasut getah buatan negara kita seperti kasut Bata atau sebagainya, nescaya kita akan dapat hasil berbilion-bilion ringgit dan penoreh-penoreh getah kita akan menikmati hasil kebun kecil mereka dengan begitu lumayan dan terjamin, apa lagi minyak sawit dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dasar luar pula, saya juga tertarik meninjau dasar luar kita yang mana sejak akhir-akhir ini terlampau lantang menentang negara-negara maju termasuk Amerika, Britain dan lain-lain. Sedangkan kita sendiri seolah-olah menahan jerat kepada perkembangan pengaruh luar di dalam negara kita. Saya tidak fikir orang akan kasihan-belas atau sayang kepada kita andainya kita asyik mengkritik atau menentang mereka secara jelas dan terbuka. Lantaran itu, eloklah dicari jalan yang sebaiknya agar tepung yang kita buat ini tidak rosak dan rambut yang ditarik tidak putus. Alangkah baiknya kiranya kita mencari jalan kebaikan daripada kita memburuk-burukkan orang untuk mencapai kebaikan kita. Kerana kita bukan tidak faham bahawa apa yang terdapat dalam negara

kita dengan berbagai-bagai fahaman dan talibarut mereka dengan berbagai-bagai cara untuk meruntuhkan keharmonian kita. Saya bimbang kemungkinan perkara-perkara yang tidak diinginkan mungkin terjadi dengan pandangan yang bertambah berat terhadap pandangan pemimpin-pemimpin kita yang terlampau agresif menuduh negara-negara besar, Kita sedar bahawa rakyat kini merasa khuatir dengan keadaan ini, dan seandainya ada peluang, maka perlulah pemimpin-pemimpin tertinggi negara kita mengadakan lawatan rasmi ke negara-negara besar tersebut bagi memperbaharui hubungan dua hala.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan juga ada menyentuh tentang kesihatan. Bila kita menyebut perkara kesihatan, kita terpaksa menyentuh hal-hal hospital. Sehingga ini kita amat terasa dengan kekurangan para doktor kita di merata-rata sektor atau tempat. Bukan sahaja kekurangan doktor, bahkan juga terdapat kekurangan jururawat: dan lain-lain pekerja. Di Terengganu misalnya, doktor yang ada sekarang hanya 160 orang sahaja, iaitu 672 daripada keperluan, sedang yang masih kosong atau yang masih diperlukan ialah seramai 77 orang. Dan kalau dicampur dengan doktor swasta yang di dalam lingkungan 70 orang bagi seluruh negeri Terengganu, maka bilangan doktor di Terengganu hanya seramai 230 sahaja. Ini bermakna bagi seorang doktor terpaksa melayani 3,480 orang pesakit, sedangkan apa yang kita tahu, apa yang patut dilayan oleh seorang doktor ialah 2,500, orang pesakit sahaja. Dan apa yang difahamkan kepada saya iaitu pada 1hb Julai ini nanti 50 orang doktor pula yang akan keluar berkursus lanjutan. Maka dengan kekurangan ini akan menambahkan beban kepada doktor-doktor yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan keadaan klinik-klinik desa dan pusat-pusat kesihatan amatlah tidak memuaskan. Kenapakah pihak Kementerian Kesihatan begitu susah hendak menggantikan rumah-rumah sewa yang dibuat sebagai klinik bidan dengan bangunan-bangunan ataupun tempat-tempat yang lebih baik dan sesuai kerana memandangkan kepada sikap orang ramai di Terengganu sekarang ini terhadap kepada kemudahan hospital sudah begitu meningkat. Begitu juga perkembangan penduduknya sudah begitu bertambah maka tidakkah Kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi bilangan doktor, jururawat dan kakitangan hospital di negeri Terengganu kerana amatlah bersesuaian dengan Titah Ucapan yang berbunyi:

"Kerajaan Beta akan terus berusaha memastikan taraf kesihatan penduduk negara ini ditingkatkan dari masa ke semasa dengan menambah perkhidmatan kesihatan dan perubahan, terutama di kawasan luar bandar."

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengesyorkan kepada pihak Kementerian Kesihatan supaya memberi penjelasan dan penerangan kepada para doktor yang hendak dihantar ke Terengganu kerana daripada apa yang difahamkan kepada saya, ada setengah-setengah doktor tidak mahu bertugas di Terengganu. Entah kenapa, tidak tahulah saya. Tetapi kalau datang ke Terengganu sahaja, saya rasa

mereka tidak akan mahu balik lagi ke negeri-negeri mereka kerana di Terengganu, orangnya baik dan budayanya menarik. Itulah kempen saya kepada para doktor supaya janganlah hendaknya sekiranya ada tawaran datang ke Terengganu tidak mahu melaporkan diri. Kerana apa yang difahamkan kepada saya, banyak di kalangan para doktor tidak melaporkan diri sehingga habis tempoh yang ditawarkan kepada mereka.

Saya ingin juga mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya menambahkan lagi doktor-doktor serta jururawat-jururawat dan kakitangan hospital di seluruh negara di mana tempat-tempat yang berkurangan. Dan juga saya ingin mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan menubuhkan dengan segera sekolah jururawat lelaki kerana saya pernah bertanya kepada pihak yang berkenaan tidakkah Kerajaan bercadang hendak mengadakan jururawat lelaki di masa yang lepas di dalam Dewan yang mulia ini? Jawabnya ada juga cadangan. Jadi, sebab itulah saya cadangkan sekali lagi di sini supaya segerakan sekolah jururawat lelaki bagi menampung kekurangan jururawat dan menambahkan lagi layanan terhadap pesakit-pesakit. Kemungkinan dengan adanya jururawat lelaki maka bolehlah dikurangkan sedikit tenaga jururawat wanita di waktu-waktu tertentu seperti waktu malam atau sebagainya. Juga semasa jururawat wanita berkahwin ataupun beranak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya jururawat-jururawat lelaki ini di wad-wad lelaki bolehlah dikhaskan kepada jururawat lelaki sahaja ataupun jarang-jarang wanita. Ini semua akan mengelakkan

dari berlakunya perkara-perkara yang buruk dan tidak diinginkan. Malah dengan ini dapat mengikuti kehendak agama yang maha suci bagi mengelak dari berlakunya berbagai-bagai hal yang tidak disukai oleh agama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan juga ada menyentuh tentang sukan. Kita merasa terharu dengan kemenangan yang dicapai oleh Malaysia di dalam bidang sukan iaitu Badminton Piala Thomas baru-baru ini di mana wira-wira negara telah menumpukan sepenuh tenaga dan mental di dalam menghadapi pertarungan sengit di antara jaguh-jaguh dunia. Saya merasa Kerajaan perlu memikirkan juga bukan sahaja bentuk kewangan yang perlu dihulurkan kepada mereka tetapi juga bintang-bintang kebesaran dan penghargaan yang tinggi seperti gelaran Dato' atau sebagainya kerana ia bukan sahaja menaikkan imej negara bahkan menjadi detar perhubungan antarabangsa dan juga menaikkan semangat roh perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang kaum di negara kita sendiri.

Melihat kepada sambutan dan dorongan rakyat, saya yakin perasaan perpaduan sungguh ketara dalam arena sukan, lebih-lebih lagi bila berdepan dengan negara lain. Oleh itu, perlulah mengadakan satu usaha baru agar tokoh-tokoh badminton yang ada itu berhajat kepada pengganti. Juga mereka ini untuk mempertahankan Piala Thomas akan datang mungkin telah luntur. Oleh itu, pengganti baru perlu diasah dari sekarang. Jika ada bakat, mereka perlu dipelihara dan dilatih oleh badan tertentu seperti diadakan universiti khas atau badan-badan lain yang sesuai di dalam mengendalikan sukan ini, biar menjadi sebuah negara sukan yang masyhur di serata dunia. Tetapi

apa yang menjadi sungutan kepada orang ramai iaitu baru-baru ini masa bermainnya. Kalau boleh, di masa-masa yang akan datang biarlah selepas Maghrib.

Kerana memanglah menjadi sungutan kepada orang ramai sedangkan sukan itu diuruskan oleh negara kita sendiri, bukan di tempat orang lain. Kerana berpuluh-puluh ribu, saya rasa kalau hendak sembahyang pun di tengah padang itu memang boleh tetapi nampaknya tidaklah mereka itu lakukan. Kalau di rumah juga, kerana kita juga sebagai peminat, lelaki, perempuan, muda dan tua masing-masing memanglah kerana hendak melihat sukan ini ataupun hendak menyaksikan pertarungan yang begitu hebat ini sehingga mereka yang kuat iman itu bolehlah menjalankan tugasnya sebagai seorang Islam. Jadi, saya rasa di masa-masa yang akan datang perlulah kita ambil perhatian kerana negara kita sendiri yang menganjurkannya dan hendaklah kita jangan libatkan mereka sehingga kita meninggalkan kerja-kerja ataupun suruhan Allah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan juga ada menyentuh tentang sistem kehakiman. Sungguh terasa bila orang menuduh bahawa kehakiman kita kolot dan tidak efektif dan telah dikuasai oleh orang-orang politik tidak begitu adil dan tidak menunjukkan satu kuasa penentu di dalam keadilan. Juga tidak dapat menyelesaikan banyak fees kerana disebabkan oleh unsur-unsur luar seperti peguam dan sebagainya. Ditambah lagi dengan faktor-faktor politik yang Islam dan bukan Islam, hukum hudud misalnya, dan hukuman Islam yang lain sehingga mahkamah sendiri diasingkan seperti juga di negara-negara Barat dengan penjajahan yang ketara.

Walaupun kita telah merdeka, namun sistem kehakiman masih lagi di dalam selera penjajah. Kata-kata demikian membuatkan perjuangan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini tidak mungkin reda kerana ia bukan sahaja membawa kepada kelemahan sistem hukum bahkan juga kelemahan dalam konsep pendidikan kehakiman. Kita mempunyai berbagai-bagai orang dan berbagai-bagai badan di dalam mengadakan hukuman mahkamah kita. Namun tuduhan-tuduhan liar demikian masih berleluasa di sana sini. Oleh itu, kita harus mencari jalan penyelesaian yang jitu ke arah tuduhan-tuduhan ini. Kalau perlu biarlah mahkamah di Malaysia ini dijadikan satu sahaja tadbirannya, sama ada mahkamah yang ditadbirkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat kerana bukannya terang-terang di dalam Perlembagaan bahawa Raja-raja adalah pemutus segala undang-undang di dalam negeri masing-masing. Oleh itu, tidak perlu lagi Mahkamah Syariah itu di bawah negeri kerana ia telah memadai dengan Perlembagaan tersebut.

Begitu juga Menteri Kehakiman sendiri tiada kuasa mengenai Mahkamah Syariah. Tidakkah ini membuatkan satu permasalahan yang berlarutan? Bukan sahaja dari segi hukuman bahkan juga dari segi lain seperti masalah kenaikan pangkat, hakim atau mengenai dua badan yang sama sedangkan kita sedar bahawa yang satu berkelulusan Barat dan yang satu lagi berkelulusan Timur Tengah atau universiti-universiti yang berasaskan sekular dan bukan sekular. Di luar mahkamah, kita sendiri mentaksirkan sekular dan tidak sekular manakala di luar mahkamah kita sendiri yang mengamalkannya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ramai lagi rakan-rakan yang akan mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Ucapan ini maka segala pandangan, cadangan dan kritikan semuanya adalah untuk kebaikan, bukanlah untuk keruntuhan. Oleh itu, diharapkan mendapat perhatian yang wajar dari pihak yang berkenaan demi untuk kebaikan dan kesejahteraan hidup kita di dunia dan di akhirat.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri.

4.00 ptg.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul Ucapan Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya pertama-tamanya seperti juga Yang Berhormat sebentar tadi ingin mengucapkan tahniah kepada skuad Piala Thomas kita yang telah berjaya menggondol Piala Thomas yang merupakan rebutan bagi negara-negara di seluruh dunia ini. Sekali gus kita sokonglah segala ganjaran yang telah diberi dan akan diberi oleh pihak-pihak tertentu kepada mereka kerana sememangnya saya tahu bahawa sumbangan mereka kepada negara amat besar sekali. Kalau di kalangan kita yang telah menonton Televisyen Malaysia tidak sanggup untuk melihat perjalanan pertandingan itu apatah lagi perasaan pemain-pemain yang bertarung di dalam gelanggang itu sendiri.. Sebab itu kita sokong segala ganjaran kepada mereka tetapi yang lebih penting daripada itu ialah kerana skuad ini yang terdiri daripada mereka yang muda dan juga penonton- penonton yang terdiri daripada ramai yang muda telah dapat memberikan satu pengajaran kepada yang lebih tua iaitu

dalam soal kepentingan negara Malaysia maka segala perbezaan kaum, agama itu diketepikan. Ini satu contoh yang baik yang dibuat oleh orang-orang muda ini dan saya berharap parti-parti Pembangkang DAP dan PAS dapat melihat daripada teladan yang diberikan oleh anak-anak muda ini iaitu betapa pentingnya kita melupakan asal-usul kita, perbezaan agama kita, perbezaan bangsa kita untuk kepentingan negara Malaysia yang kita cintai.

Selain daripada itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah berjaya untuk mewujudkan satu Etika Raja Perlembagaan di mana kita dapat memastikan hubungan di antara Raja-raja Melayu dengan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat itu akan sentiasa berjalan dengan baik dan tidak akan terjejas hubungannya demi kepentingan agama, bangsa dan tanahair kita di masa-masa yang akan datang.

Walaupun ada setengah pihak yang ingin mengatakan bahawa seolah-olah UMNO cuba untuk memonopolikan perkara ini tetapi hakikat yang sebenarnya tidak siapa yang boleh menafikan bahawa UMNO menerajui Kerajaan Barisan Nasional yang mana rakyat telah memilih kita untuk memerintah negara ini daripada tahun 1950 hinggalah tamatnya Parlimen di masa yang akan datang ini. Lagi pun yang saya tahu di kalangan parti-parti Pembangkang yang meletakkan dan mempertahankan Institusi Raja sebagai satu cita-cita kita ataupun matlamat kita, yang saya tahu hanya UMNO sahaja yang meletakkan cita-cita untuk mempertahankan Institusi Raja. Jadi, saya berharap parti Pembangkang yang lain jangan sibuklah sebab mereka hanya ingin

menangguk di air yang keruh walhal tidak pernah pun ingin mempertahankan Raja-raja tetapi ingin mengambil kesempatan untuk memburukkan usaha yang dilakukan oleh UMNO itu.

Kalau ada di kalangan Pembangkang yang mengatakan bahawa kalau etika itu boleh diwujudkan untuk Raja-raja maka satu etika juga perlu untuk diwujudkan bagi Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Saya ingin menyatakan di sini bahawa Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen merupakan rakyat biasa yang mana tindak-tanduk kita adalah terkawal di bawah undang-undang yang ada, Jadi, kalau segala tindakan yang dilakukan oleh kita, yang tidak sama dengan kehendak undang-undang maka kita boleh dibawa ke mahkamah untuk didakwa atas segala perbuatan yang mungkin dilakukan oleh kita.Oleh kerana itu etika tidak perlu kepada Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.

Tetapi Raja sebagaimana yang kita tahu, walau apapun kesalahan yang dilakukan oleh mereka, mereka tidak boleh dibawa ke mahkamah kerana mereka adalah di atas undang-undang. Sebab itu orang yang di atas undang-undang ini kerana tidak boleh bawa ke mahkamah kalau melakukan kesalahan atau kesilapan, maka mereka perlu ada etika untuk memastikan supaya tindak-tanduk mereka itu tidak akan terkeluar dari batasan kemanusiaan yang kita sama-sama agungkan. Jadi, ini sebagai penjelasan kalau sekiranya di kalangan Pembangkang mengatakan bahawa seolah-olah kita buat etika ini hanya memikirkan Raja tetapi diri sendiri tidak mahu menjaga.Kita, sama ada

Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen atau Tuan Yang di-Pertua kalau didapati bersalah, kita memang duduk di bawah undang-undang dan cukuplah undang-undang untuk mengambil tindakan terhadap orang-orang biasa macam kita yang telah melakukan kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Wawasan 2020, kita tahu bahawa Wawasan 2020 ini telahpun diterima oleh semua rakyat negara Malaysia. Ianya bukan merupakan satu Wawasan hanya oleh pihak Kerajaan malah saya difahamkan bahawa seluruh rakyat telah menerimanya kerana di antara lain dalam Wawasan ini ialah untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia yang mana saya percaya iaitu semua golongan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama bersetuju bahawa kita harus mewujudkan satu bangsa Malaysia di masa yang akan datang.

Untuk menjayakan Wawasan ini saya kira bukan hanya tanggungjawab Kerajaan sebab untuk meletakkan kepada Kerajaan sepenuhnya tanggungjawab untuk memajukan negara kita menerusi Wawasan 2020, saya kira kalau tepuk sebelah tangan, kita tidak boleh melakukan perkara ini. Kita juga perlu untuk rmendapat sokongan daripada pihak swasta kerana swasta juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Wawasan ini berjaya. Swastalah juga di mana sektor yang banyak menjalankan perniagaan, perindustrian dan kalau Wawasan 2020 ini ialah bekerja ke arah untuk menjadikan negara Malaysia ini sebuah negara industri, maka sudah tentulah swasta juga memainkan peranan yang penting dalam memastikan kejayaan Wawasan

kita ini.

Sebab itu dalam ucapan saya ini, saya ingin mencadangkan supaya difikirkan satu skim di mana syarikat-syarikat swasta adalah diwajibkan untuk menghantar pekerja-pekerja mereka untuk menghadiri kursus-kursus yang disediakan oleh Kerajaan bagi tujuan untuk memberikan fahaman yang sepenuhnya kepada rakyat kita tentang apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan Wawasan 2020 ini. Kalau kita boleh mengenakan kepada syarikat untuk mereka memberi sumbangan bagi KWSP dan SOCSO, saya kira bahawa tidak keterlaluan kalau kita mengadakan satu skim yang mana kita suruh pihak-pihak swasta untuk menghantar dan mengadakan peruntukan bagi tujuan memberikan kefahaman kepada pekerja-pekerja mereka berkenaan dengan Wawasan 2020 ini. Kerana kalau pekerja-pekerja ini mendapat fahaman tentang perkara ini di mana di alam Wawasan 2020 ini meminta kepada pekarja-pekerja rakyat Malaysia supaya rajin bekerja, berdisiplin dan bersih, maka ini adalah merupakan ciri-ciri yang akan menguntungkan syarikat yang mana pekerja-pekerja itu bekerja di bawah mereka.

Sebab itu saya merasakan bahawa oleh kerana Wawasan 2020 ini telah menjadi satu Wawasan yang diterima oleh seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan bangsa, maka oleh kerana itu saya merasakan cadangan saya ini haruslah diberikan pertimbangan oleh Kementerian yang berkenaan supaya dapat kita memastikan bahawa negara kita akan mencapai Wawasan 2020 ini menjadi sebuah negara industri, bangsa Malaysia yang bersatu, hidup rukun, aman dan damai, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting yang mana saya bersependapat. dengan Tuan Azman pada hari semalam iaitu saya mengatakan tidak puas dengan jawapan yang telah diberikan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri berkenaan dengan perbuatan-perbuatan yang tidak senonoh yang telah dilakukan oleh sesetengah pihak warganegara kita, memburuk-burukkan imej negara di khalayak ramai. Tetapi jawapan beliau, kalau ditanya apakah tindakan boleh diambil, maka daripada jawapan semalam dia berkata, bahawa walaupun orang ini memburukkan imej negara kita tetapi telah dilaporkan kepada kita iaitu Kedutaan. kita di sana melaporkan bahawa tidak ada kesan. Walaupun tidak ada kesan, tetapi perbuatan itu telah dilakukan oleh mereka ini dan sekiranya tidak ada undang-undang yang boleh diambil terhadap mereka ini bermakna bahawa undang-undang kita tidak cukup untuk memastikan perbuatan ini mesti dikenakan satu tindakan di bawah undang-undang.

Saya tidak boleh terima jawapan yang mengatakan bahawa selagi Ia tidak menjejaskan ekonomi kita maka selagi itu dia boleh buat apa dia suka. Memang benar kita ada apa yang dikatakan kebebasan bercakap, tetapi kebebasan bercakap tidak merangkumi kebebasan untuk menipu, untuk menyebarkan perkara yang tidak benar. Saya rasa sesuatu harus dilakukan terhadap orang-orang ini kerana walaupun dia belum lagi menjejaskan ekonomi kita tetapi lambat-laun kalau dia dibenarkan untuk meneruskan perbuatan ini maka satu masa nanti, ianya akan menjejaskan ekonomi kita.

Tuan Azman Atar bin Othman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Azman Atar.

Tuan Azman Atar bin Othman: Boleh saya minta laluan sedikit? Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak dalam perkara Yang Berhormat: sebut tadi, kalau kita tidak pun dapat meletakkan di bawah hukuman ISA, tetapi memadai setelah kita dapat bukti, kita rampas International Passport dia, tidak benarkan dia pergi ke luar negeri kerana kita tahu bila dia keluar, dia mesti akan mencemar nama baik dan memburukkan. Sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak, saya minta penjelasan.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh Tuan Azman, cuma pada ketika ini kita tidak ada undang-undang untuk berbuat demikian kerana sesuatu pasport itu kalau kita hendak tahan, maka ia harus dilakukan di bawah undang-undang. Sebagai contoh, kalau dia bankrap, kita impound, dengan izin, pasport dia ataupun kalau dia telah melakukan satu kesalahan yang disabitkan oleh undang-undang seperti katalah di bawah ISA, kita bolehlah ambil pasport dia tetapi kalau kita tidak sabitkan dia dengan apa-apa undang-undang, semata-mata kerana ada bukti menunjukkan bahawa dia mengeluarkan perkataan buruk terhadap kita tetapi perbuatan itu sebenarnya tidak merupakan kesalahan kerana undang-undang kita tidak cukup untuk menjadikan itu sebagai satu kesalahan melainkan kalau kita tahan di bawah ISA.

Tuan Azman Atar bin Othman: Minta laluan. Jadi, maksud Yang Berhormat, kita perlu mengadakan satu undang-undang sehingga membolehkan kita bertindak begitu? Adakah maksud Yang Berhormat begitu?

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Belum sampai. lagi ke situ. Sebentar lagi saya akan sampai.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan mesyuarat)

Saya bersetuju, kita harus ada undang-undang untuk memastikan supaya perbuatan seperti ini mesti boleh disabitkan kepada satu undang-undang dan mereka ini didakwa di mahkamah. Sebelum saya sampai ke situ, saya ingin menyatakan bahawa jawapan Timbalan Menteri semalam yang mengatakan bahawa kita hanya akan bertindak sekiranya ekonomi negara terjejas. Ini kalau kita ibaratkan sebagai katalah jenayah pembunuhan, maka ini saya cuba ibaratkan dalam soal pembunuhanlah dengan jawapan Timbalan Menteri semalam. Jadi, kalau ada seorang pembunuh memang dia pembunuh; dan dia tembak satu orang dan orang itu tertembak tetapi tidak mati maka kita pergi kepada Polis dan kita kata kita mahu charge orang ini atas kesalahan, maka Polis kata dia belum mati, orang yang kena tembak itu belum mati, jadi kita tidak boleh buat apa-apa. Hendak tunggu dia mati baru hendak ambil tindakan tetapi kita tahu bahawa dalam undang-undang jenayah kita lengkap, cukup walaupun orang yang hendak membunuh itu telah menembak, tetapi yang ditembak itu tidak mati, dia boleh dichargekan, didakwa di bawah seksyen-seksyen lain seperti assaultkah....

Tuan Yang di-Pertua: Attempted murder.

Tuan Baji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...attempted murder, dengan izin. Saya memang tunggu Tuan Yang di-Pertua untuk menyebutkan kerana dia pun peguam. Jadi, bermakna undang-undang itu telah diperlengkapkan supaya walaupun pembunuh itu dia membunuh tetapi orang itu tidak mati tetapi dia boleh disabitkan pada undang-undang dan didakwa di mahkamah seperti yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi iaitu attempted murder.

Jadi, saya mahu benda yang sama untuk jenayah ataupun belum lagi jenayah, kesalahan dilakukan oleh orang-orang seperti setengah daripada wakil-wakil MTUC kita yang melakukan, memburukkan imej kita di luar negeri supaya Menteri kita nanti boleh jawab kalau tindakan memburukkan imej ini walaupun dia belum menjejaskan ekonomi kita tetapi dia boleh didakwa di bawah undang-undang di atas sesuatu jenayah. Sebab ini saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan kita memikirkan untuk mengadakan satu apa yang dikatakan, dengan izin, Treson Act iaitu Akta Penderhakaan.

Saya, semalam bertanya kepada Tuan Azman iaitu apakah beliau merasakan apa yang dilakukan oleh pegawai MTUC memburukkan negara Malaysia kita itu merupakan penderhakaan. Dia kata, "ya". Walaupun dia kata saya faham jawapan dia tetapi fahaman saya kepada jawapan dia yalah, iaitu perbuatan ini menderhaka. Tetapi walaupun perbuatan ini menderhaka, kita tidak boleh sabit dia di bawah

apa-apa undang-undang untuk mendakwa dia di mahkamah. Sebab itu Akta Penderhakaan ini harus ada. Negara seperti Britain, negara Barat, negara maju, negara yang dikatakan demokrasi, yang terbaik nombor satu, sama dengan Amerika Syarikat, dia ada Treson Act iaitu segala perbuatan yang menderhaka itu boleh didakwa di bawah Treson Act dan banyak lagi suasana yang mana saya merasakan kalau ada Treson Act ini kita boleh dakwa orang-orang tertentu yang melakukan penderhakaan terhadap negara kita. Sebagai contoh, kalau orang rnebocorkan rahsia negara walaupun kita ada OSA (Official Secret Act) tetapi mesti ada. perbezaan. Membocor rahsia boleh kita dakwa di bawah Official Secret Act tetapi membocor rahsia kepada negara ketiga perbuatan itu lebih bahaya daripada hanya membocor rahsia. Sebab itu,. membocor rahsia ke negara ketiga itu menderhaka, tidak cukup kita dakwa dia bawah OSA tetapi kita mesti dakwa dia di bawah apa yang dikatakan Akta Penderhakaan.

Selain daripada Itu, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang lebih serius, Jeffrey Kitingan, yang mana kita tahu beliau telah menyediakan sepasukan anak-anak muda. Diberikan latihan di negara ketiga, menjemput orang-orang Yahudi ke negara ketiga itu unt.uk memberi latihan kepada mereka supaya apabila balik ke Sabah nanti akan duduk di hutan belantara, menyediakan satu pasukan penyisihan untuk memisahkan Sabah dari negara Malaysia kita. Memisahkan sebuah wilayah daripada negara kita merupakan satu jenayah yang tidak boleh kita maafkan. Itulah jenayah yang paling besar sekali untuk

memecah-belahkan negara kita tetapi walaupun itu merupakan jenayah yang kita anggap sebagai besar, ia cuma boleh ditahan di bawah ISA. ISA, kita tahan dia dua tahun, selepas itu kena mohon kepada mahkamah, tahan dua tahun lagi. Apakah jenayah yang hendak memisahkan sebuah wilayah daripada sebuah negara yang berdaulat sebagai Malaysia ini hanya patut diberikan hukuman dua tahun sahaja? Dan tiap-tiap kali dua tahun itu habis, bawa ke mahkamah, kes dia bangkit lagi dan ini akan mendatangkan perasaan simpati di kalangan orang-orang yang menyokong dia.

Sebab itu saya rasa, Akta Penderhakaan ini mesti diwujudkan. Siapa yang berusaha untuk memisahkan sesuatu wilayah daripada negara Malaysia kita, hukumannya ialah gantung dia Itu menderhaka kepada negara, melakukan perbuatan yang mahu memecahbelahkan negara kita, yang mahu memisahkan sebuah wilayah daripada negara kita. Perbuatan itu berat.

Sebab itu saya merasakan dalam soal keselamatan negara ini orang macam. Jeffrey Kitingan ini dia akan terlepas sebab kita tahan di bawah ISA sahaja, Internal Security Act - cuma tahan dua tahun tanpa bicara, selepas itu tahan dua tahun lagi kalau kita hendak tahan dia lagi kalau tidak bawa ke mahkamah lagi, ataupun kes dia masih berjalan, tahan. lagi dua tahun, minta permohonan daripada Mahkamah Tinggi - itu sahaja. Sepatutnya kalau dia didapati salah cukup dengan buktinya, jawabnya dia mesti dihukum mati kerana ini perbuatan yang menderhaka kepada negara Malaysia kita. Sebab itu semua perkara ini pada ketika ini dia hanya akan dihukum dengan hukuman yang ringan kerana kita tidak cukup undang-undang untuk mengawasi soal-soal seperti ini. Saya mahukan iaitu segala apa perbuatan penderhakaan kalau apa yang dikatakan raeraberi maklumat rahsia negara ke negara ketiga itu bukanlah bermakna semua hukuman itu mesti gantung. Mungkin kita hantar dia dua puluh tahun sebab walaupun perbuatan itu cuma bocor rahsia, tetapi bocor rahsia ke negara ketiga - itu bahaya. Jadi kalau di bawah OSA ini dia kena tiga empat tahun tetapi kalau di bawah Akta Penderhakaan hentam dia tiga puluh tahun. Apa salahnya sebab dia telah menderhaka kepada negara.

Jadi, itu cadangan saya kepada Kementerian dan Kerajaan supaya kita mengadakan satu akta khusus yang dikatakan Akta Penderhakaan ataupun Treason Act ini harus difikirkan oleh Kerajaan kita kerana sudah sampai masanya untuk kita memikirkan perkara seperti ini memandangkan perbuatan begitu berleluasa dewasa ini, Pegawai MTUC pun yang memburukkan negara kita di luar, dia boleh burukkan negara kita. tapi dia balik ke sini, kita tangkap dia, kenakan di bawah

Akta Penderhakaan. Ini kita boleh tangkap dia, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang dewasa ini selalu diperbincangkan oleh kita ialah berkenaan dengan soal hudud. Saya minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk memakan masa lebih sedikit untuk memberi penjelasan berkenaan pendirian yang diambil oleh UMNO ataupun Barisan Nasional dalam soal hudud ini kerana dewasa ini oleh kerana kurang faham, kurang tahu berkenaan dengan apa yang dikehendaki oleh hukum hudud ini telah menyebabkan berlaku kekeliruan, keresahan dan macam-macam lagi yang berlaku dalam tanahair kita ini.

Perkara ini bukan sahaja membimbangkan khususnya orang-orang bukan Islam, tetapi di kalangan orang Islam sendiri yang mungkin tidak faham pun juga merasa bimbang dan kebimbangan ini bertambah lagi apabila Kerajaan kita mengatakan kalau Kerajaan PAS hendak melaksanakan hudud teruskan. Sebab itu dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO yang lepas sepertimana yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia, UMNO terpaksa mengeluarkan pendirian kita kerana rakan-rakan kita yang datang daripada parti-parti orang-orang yang bukan Islam telah berasa begitu resah dan gelisah, apakah sebenarnya pendirian Parti UMNO itu sendiri.

Saya ingin menyatakan sepertimana yang telah disebutkan oleh Perdana Menteri Malaysia bahawa UMNO mengambil sikap dan pendirian iaitu kita sokong hudud. Tetapi di negeri-negeri yang kita memerintah terdalam negara Malaysia secara umumnya yang kita memerintah, kita tidak akan melaksanakan hukum hudud ini. Ini satu

kenyataan yang tegas, yang tidak boleh diputar-belitkan, kita tetap dengan pendirian kita iaitu kita sokong hudud, tetapi di negeri-negeri yang kita memerintah termasuk negara Malaysia kita tidak akan melaksanakan hukuman hudud ini kerana kita mempunyai alasan kita tersendiri. Tetapi sebelum saya menjelaskan dengan panjang mengapa UMNO membuat pendirian yang sebegitu rupa, saya ingin menyatakan bahawa kita tidak menghalang kalau PAS mahu melaksanakan hukuman hudud ini. Sebab itu kita cadangkan kepada dia dia bawalah usul untuk meminda Perlembagaan untuk membolehkan dia melaksanakan hukuman hudud ini. Jadi, ini jelas menunjukkan apabila kita beritahu kepada dia supaya bawa usul, itu menunjukkan bahawa kita sokong hudud, kalau dia hendak buat, buatlah. Kita tidak akan meletak apa-apa rintangan dan halangan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Puan Hajah Zaleha binti Husin: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon penjelasan daripada Saudara Yang Berhormat Nazri. Apakah beliau yakin bahawa Kerajaan Negeri Kelantan setelah pindaan Perlembagaan Negara berlaku Kerajaan Negeri Kelantan mampu dan berupaya melaksanakan hukum hudud dengan persediaan yang kononnya mereka telah lakukan sekarang? Terima kasih.

Tuan Haji Nazri bin Husin: Saya tidak yakin sebab pelaksanaan tanpa perancangan itu tidak akan berjaya. Kerana sesuatu pelaksanaan itu harus ada perancangan. Dia tidak ada perancangan. Dia baru menang sahaja, satu tahun lebih. Dia bukan ada suatu jawatankuasa yang duduk memikirkan apakah kesan, apakah yang perlu

dilakukan, apakah soal butir-butir yang lanjut berkenaan dengan soal hudud ini. Dia tidak buat. Dia main politik sahaja. Sebab itu kepada jawapan Yang Berhormat sebentar tadi saya kata saya tidak yakin. Tidak yakin kerana pelaksanaan tanpa perancangan itu tidak akan berjaya.

Saya berbalik kepada ucapan saya, kita selalu bercakap bahawa boleh laksana, tapi pinda Perlembagaan. Apa dia? Apa dia di dalam Perlembagaan itu yang menghalang kita daripada melaksanakan hukum hudud ini? Ini PAS hendak tahu, dan saya rasa itu bagi umum sekalian harus tahu juga. Apakah sebenarnya peruntukan di dalam Perlembagaan kita yang tidak membenarkan, yang tidak membolehkan hukuman hudud ini dilaksanakan. Saya sebut, untuk pengetahuan kita bersama, yang pertamanya dalam Perlembagaan kita ada peruntukan dalam Artikel 11. Di bawah Kebebasan Agama, Artikel 11 (3) di mana Perlembagaan kita telah memberi kuasa kepada tiap-tiap kumpulan agama berhak menangani hal-ehwal agama mereka masing-masing. Jadi kalau PAS hendak melaksanakan hukuman hudud, dia kena mansuh dulu Artikel 11 (3) ini kerana Perlembagaan telah memberi kuasa kepada tiap-tiap kumpulan agama itu adalah berhak menangani hal-ehwal agama masing-masing. Jadi kalau PAS hendak kenakan hukuman hudud ini kepada orang yang beragama lain daripada Islam, dia kena pinda Artikel 11 ini.

Yang kedua, kita ada Artikel 7(1) di mana di antara lain menyatakan bahawa tiada siapa ini soal jenayah tiada siapa akan dikenakan hukuman yang lebih berat daripada apa yang telah dihukumkan. mengikut undang-undang pada ketika jenayah itu dilakukan.

Kita tahu bahawa hukuman hudud ini merupakan hukuman yang dengan izin, retrospective, iaitu kalau Kerajaan Kelantan menerima hukuman hudud pada tahun 1992, mereka yang melakukan jenayah sebelum itu, mereka ini juga akan dikenakan hukuman hudud sebab hukuman hudud ini telah wujud beratus tahun sebelum itu, Soal tahun 1992 itu hanya tahun yang diterima oleh Kerajaan PAS untuk dijalankan hukuman hudud. Kalaulah Kerajaan Kelantan berjaya meminda Perlembagaan dan kemudian melaksanakan hukuman hudud di negeri Kelantan bermakna iaitu sebelum ini sesiapa yang telah mencuri ataupun melakukan sesuatu yang ada kaitan dengan hukuman hudud ini, maka dia mesti dikenakan hukuman itu mengikut hukuman hudud.

Kalau sebelum ini, tahun 1989, saya mencuri dan saya didapati salah dan kemudian saya menjalankan hukuman tiga tahun, saya tidak akan terlepas dengan hukuman hudud. Apabila hukuman hudud itu dilaksanakan di negeri Kelantan, saya mesti dihukum mengikut hukuman hudud walaupun saya telah menjalankan hukuman di bawah Akta Jenayah sebelum ini yang menjaga hal ehwal kecurian yang berlaku dalam negara kita. Kalau dahulu tahun 1989, saya mencuri, saya kena penjara satu tahun dan saya jalani hukuman itu, tetapi kalau pada hari ini hukuman hudud itu dilaksanakan, maka saya terpaksa dikenakan hukuman yang lebih berat daripada itu, Sebagai contohnya, kalau mencuri dipotong tangan, maka potong tangan itu lebih berat daripada penjara satu tahun, maka ini tidak dibenarkan oleh Perlembagaan kita. Perlembagaan Malaysia mengatakan, saya sebut sekali lagi iaitu bahawa di antara lain, tiada siapa akan dikenakan hukuman yang lebih berat daripada apa yang telah dihukumkan mengikut undang-undang pada ketika jenayah itu dilakukan." Jadi sebelum PAS hendak melaksanakan hukuman hudud ini, maka pertamanya, ia terpaksa memansuhkan Artikel 7(1), maka baru itulah ia boleh melaksanakan hukuman hudud itu.

Tetapi satu peruntukan yang penting yang menghalang pelaksanaan hukuman hudud ini yang ada di bawah Perlembagaan kita, ialah Artikel 4(1) yang mana dikatakan bahawa Perlembagaan ini adalah undang-

undang tertinggi dalam Persekutuan dan mana-mana undang-undang yang diluluskan selepas hari merdeka yang bercanggah dengan Perlembagaan ini adalah tidak sah dan sememangnya hukuman hudud adalah bercanggah dengan Perlembagaan kita. Sebab itu sebelum dia hendak melaksanakan hukum hudud di Kelantan, maka dia terpaksa membawa usul di dalam Dewan Rakyat untuk meminda tiga perkara ini barulah dia boleh melaksanakan hukuman hudud itu.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan kerana memohon penjelasan. Apakah apabila Artikel 4(1) ini di bawa ke dalam Parlimen dan dibincangkan untuk meminda Perlembagaan Negara, apakah saudara Yang Berhormat Mohamed Nazri yakin bahawa kita akan capai 2/3 suara dalam Parlimen untuk membuat pindaan tersebut? Kalau sekiranya tidak tercapai 2/3 ini, apakah PAS memerlukan lobi kepada rakan-rakan dan juga kekasihnya DAP untuk cuba menyokongnya?

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Yang Berhormat. Kita mempunyai peruntukan di dalam Perlembagaan. Seperti yang disebutkan berkenaan 2/3 tadi di mana Artikel 19(3) mengatakan bahawa Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan tidak akan diluluskan di Dewan Parlimen melainkan ianya telah disokong pada bacaan kedua dan ketiga dengan undi tidak kurang daripada 2/3 jumlah ahli Dewan Parlimen. Maknanya, betul apa Yang Berhormat cakap tadi. Kalau dia hendak meminda Perlembagaan

ini, dia harus mengambilkira Artikel 19(3) yang mana dia mesti mendapat 2/3. Kalau Yang Berhormat tanya kepada saya, saya tidak yakin dia boleh dapat, tetapi seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi, kawan baik dia DAP yang sama-sama dia berkempen, bukan DAP sahajalah, saya ingat PBS dan Semangat 46 pun sama, maka ini semua perlu mernberi sokongan untuk mendapatkan 2/3 ini. Sebab kalau dia seorang, saya tidak nampak, dan kalau sekiranya dicampur dengan UMNO, saya lihat bahawa parti orang Melayu yang beragama Islam tidak melebihi daripada 120 yang diperlukan di dalam Dewan Rakyat untuk meminda Perlembagaan ini. Jadi saya tidak yakin dia boleh dapat 2/3.

Oleh kerana saya sebutkan perkara ini untuk menunjukkan bahawa kita tidak meletakkan apa-apa halangan di hadapan mereka untuk melaksanakan hukuman hudud ini, Tiada halangan, rintangan yang kita letakkan. Halangan yang ada ialah Perlembagaan Malaysia. Itu sahaja. Dan oleh kerana halangan itu merupakan Perlembagaan Malaysia, ramai di kalangan mereka mengatakaa bahawa, "Ah! kami tidak dapat melaksanakan kerana UMNO punya fasal, sebab Perlembagaan itu UMNO yang buat." Itu yang dia kata, tetapi dia silap besar. Dia harus ingat bahawa semasa kita mencapai kemerdekaan dahulu, kita bukan perang habis-habisan dengan penjajah Inggeris, tidak seperti di Indonesia yang telah berperang habis-habisan dengan Belanda. Apabila Belanda kalah dan Indonesia menang, rakyat Indonesia mendapat kuasa mutlak sepenuhnya untuk menggubal Perlembagaan mengikut selera mereka, sebab mereka sudah menang.

Tetapi kita tahu bahawa kemerdekaan kita ini dicapai menerusi perundingan, kita hendak merdeka, penjajah tidak mahu beri kepada kita, kita berunding dengan mereka. Kita tidak mencapai kemerdekaan kita dengan peperangan dan mengalahkan penjajah, bila berunding kita minta kepada British bahawa kita mahukan merdeka. Orang putih kata tidak boleh, kita merayu lagi, kita mahukan merdeka, orang putih kata boleh. Tetapi walaupun dia kata boleh kita merdeka, Perlembagaan itu adalah dilakukan oleh penjajah Inggeris, bukan daripada kita. Penjajah Inggeris, sebelum memberi kemerdekaan kepada negara Malaysia, dia mengambil kira tentang orang-orang yang bukan Islam yang wujud dalam negara Malaya pada ketika itu. Sebab itu Perlembagaan yang ada pada hari ini ialah Perlembagaan orang-orang Inggeris, bukan Perlembagaan kita.

Untuk PAS mengatakan kepada kita bahawa oleh kerana Perlembagaan itu merupakan halangan kepada mereka hendak melaksanakan hukuman hudud, itu tidak benar, sebab kita tidak bertanggungjawab di atas Perlembagaan yang diwujudkan oleh British terhadap kita. Sebab "bargaining power" kita tidak kuat, kita bukan menang perang, kita minta kemerdekaan kita. Dengan sebab itulah Inggeris kata, boleh merdeka dengan syarat, **ini, ini.....** Kita terpaksa terima. Kalau kita tidak terima, kita tidak merdeka tahun 1957. Kalau kita tidak merdeka tahun 1957, merdeka tiga tahun lagi, banyak lagi masalah yang akan kita hadapi. Sebab itu kita runding hendakkan tahun 1957, British tentukan Perlembagaan itu dan kita terima. Jadi jangan salahkan UMNO kalau Perlembagaan itu tidak membenarkan pelaksanaan hukuman hudud. Salahkan kepada British, jangan salahkan kepada

kita. Sebab

mengapa, kalau ada di kalangan orang-orang yang mengatakan bahawa Perlembagaan yang sebenarnya yang menjadi masalah dan ini adalah perbuatan UMNO, maka itu adalah tidak benar, kerana, sekali lagi saya ingin menekankan bahawa kita mencapai kemerdekaan menerusi rundingan dan bukan dengan berperang habis-habisan untuk mengalahkan penjajah Inggeris itu.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan lagi daripada Yang Berhormat Saudara Mohamed Nazri yang sedang berbincang tentang hudud ini. Apakah pihak PAS di negeri Kelantan sudahpun tahu tentang mereka tidak akan dapat melaksanakan hukum hudud ini dengan Perlembagaan Negara yang ada sekarang dan bersetujukah saudara kalau saya katakan bahawa ini hanyalah suatu permainan politik PAS untuk menyatakan kepada rakyat umum bahawa mereka hendak menjalankan hukum hudud tetapi yang menghalangnya adalah Perlembagaan Negara. Ini adalah suatu kempen politik yang murahan yang akan dilaksanakan oleh parti Pembangkang. Terima kasih.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Adam bin Kadir]: Tunggu dulu Yang Berhormat. Yang, Berhormat Puan Law Jaok Yoon, kalau hendak tanya saya ingat tanya sekarang supaya Yang Berhonnat Tuan Haji Mohamed Nazri jawab sekaligus. Ada soalan?

Puan Law Jack Yoon: Tidak ada, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Adam bin Kadir]: Sila Yang Berhormat Tuan. Haji Mohamed Nazri.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan pertama daripada Yang Berhormat:, saya kira sebenarnya PAS mulanya tidak tahu sebab selepas itu dia tahu kerana Timbalan Menteri kita di Jabatan Perdana Menteri yang beritahu kepada dia. Dalam bulan Ramadhan yang lepas ada satu kenyataan dari Timbalan Menteri yang menyatakan bahawa PAS tidak boleh melaksanakan hukuman hudud ini raelainkan kalau dipinda Perlembagaan. Selepas itu baru dia tahu. Dia bukan tahu sangat benda ini, dia main terabak hentam keromo sahaja.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat kata tadi bahawa ini cuma permainan politik. Sebab dia sudah berjanji dengan rakyat dia, orang yang menyokong dia dalam pilihanraya pada tahun 1990 "kalau kita menang kita hendak buat ini, ini.... kita hendak buat". Satu tahun berapa bulan sudah berlalu tidak buat juga. Ini masalah dia yang dia harus hadapi dengan rakyat dalam pilihanraya akan datang. Sebab itulah dia mempolitikkan perkara hukuman hudud ini, Memang benar. Saya memang tahu bahawa dia pun parti politik, dia bukan badan dakwah. Dia parti politik. Jadi, bagi jawapan kepada Yang Berhormat: sebentar tadi bahawa memang dia politikkan masalah hukuman hudud Ini.

Seterusnya, setelah kita tahu berkenaan dengan Perlembagaan, peruntukannya yang mana perlu dipinda untuk melaksanakan hukuman hudud, ini menunjukkan bahawa UMNO kita kata "boleh, hendak buan, buatlah. Tetapi masalahnya Perlembagaan." Dan saya jelaskan bahawa Perlembagaan itu bukan perbuatan UMNO tetapi perbuatan penjajah Inggeris pada permulaan tahun kita merdeka dahulu. Sekarang kita kata kita sokong dan perbuatan untuk menyokong itu sudah kita buat. Kalau tidak laksana bukan masalah kita. Tetapi kalau sekiranya terlaksana, orang akan tanya: "UMNO kata kita sokong tetapi kita tidak akan melaksanakan. Apa dia ini? Sokong tetapi tidak laksanakan." Maka harus kita beri penjelasan kepada orang ramai berkenaan dengan pendirian kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal agama Islam ini perkara yang paling rukun kepada kita ialah Rukun Islam yang ada lima perkara iaitu mengucap dua kalimah syahadat, sembahyang lima waktu satu hari, berpuasa bulan Ramadhan, membayar zakat dan juga naik haji. Ini merupakan setiap manusia yang memeluk agama Islam yang mengatakan iaitu bahawa dia adalah seorang yang beragama Islam maka lima perkara ini diwajibkan kepada setiap orang Islam adalah lima, sebab itu disebut Rukun Islam. Tetapi walaupun perkara ini merupakan perkara yang wajib kepada orang-orang Islam, ia ada kelonggarannya. Wajib tetapi ada ketika dan suasana walaupun ini wajib ada kelonggarannya. Maknanya, kalau dalam bulan Ramadhan kita berpuasa, wajib kepada kita. Tetapi kalau kita merantau, kita musafir boleh dilonggarkan tidak perlu puasa, ganti nanti. Maknanya benda

wajib itu walaupun wajib tetapi ada kelonggaran dia. Begitu juga dengan sembahyang lima waktu satu hari. Kalau kita juga merantau, musafir kalau Zohor dengan Asar boleh kita pendekkan dan kita cantum. Tetapi Zohor Asar ini wajib kepada kita, harus kita buat. Tetapi ada suasana yang menyebabkan ia boleh dilonggarkan. Begitu juga dengan haji, wajib. Tetapi kalau tidak mampu, tidak apa tetapi wajib. Bermakna perkara wajib ini pun ada kelonggarannya. Rukun Islara yang wajib ini ada kelonggarannya. Saya hendak tahu hukum hudud di mana? Dalam lima Rukun Islam ini tidak ada hudud. Tidak ada hudud. Yang lima ini tidak ada hudud. Tetapi bercakap pada hari ini seolah-olah hudud itu kena buat. Yang kita hendak sebutkan di sini ialah benda yang wajib pun boleh dilonggarkan mengapa hukuman hudud tidak boleh dilonggarkan mengikut ketika, suasana yang ada pada ketika itu.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan sekali lagi dengan Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri. Apakah Yang Berhormat menceritakan tadi tentang kelonggaran hukum Allah, Rukun Islam dan sebagainya ini, adakah Yang Berhormat bila mengaitkan tentang hukum hudud ini, Yang Berhormat pernah terbaca di dalara Sirah atau di dalam Sejarah Islam bahawa Saidina Omar Ibnu Khatab **r.a.** pernah menghentikan seketika pelaksanaan hukum hudud di dalam pemerintahannya kerana rakyat di negara dalam pemerintahannya itu adalah miskin? Dan apakah alasan Yang Berhormat berkaitan dengan negeri Kelantan itu? Terima kasih.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Inilah kelebihanya kalau ada ustazah di sebelah saya. Saya hendak mengatakan saya tidak tahu apa yang ustazah cakap sebentar tadi. Tetapi terima

kasih. Maknanya itu bahawa sebab saya baca dalam akhbar hukum hudud macam kena buat, tidak buat tidak boleh. Kena buat! Tetapi saya berhujah sebagai seorang Islam yang biasa. Melihat daripada hukum-hukum yang ada, yang wajib, yang boleh dilonggarkan. Maka saya berhujah mengatakan mengapa hudud tidak boleh dilonggarkan. Itu sahaja. Jadi terima kasih bahawa ustazah telah menyokong apa yang telah saya sebut dengan memberikan hujah-hujah yang benar dan saya mengucapkan terima kasih.

Soalnya di sini, batiawa kalau benda yang wajib itu pun boleh dilonggarkan mengapa hukum hudud yang tidak termasuk dalam Rukun Islam yang lima tidak boleh dilonggarkan? Kalau orang Islam pergi merantau pada bulan puasa dia tidak puasa, kita tanya. kepada dia "Wahai orang Islam, kamu merantau, bulan puasa kamu tidak puasa. Kamu tidak sokongkah puasa?" "Saya sokong, tetapi suasana yang merantau menyebabkan saya tidak boleh puasa." Jadi macam itulah juga UMNO kata dalam soal hudud ini kita sokong tetapi ada suasana pada ketika ini yang menyebabkan kita tidak boleh laksanakan. Itu apa yang dimaksudkan dengan pendirian UMNO yang mengatakan bahawa kita sokong hudud tetapi kita tidak akan laksanakan di negeri-negeri yang kita memerintah sebab ada suasana yang tertentu yang menyebabkan kita tidak boleh laksanakan hukuman hudud **ini**.

Dan saya kira bahawa tidak adil bagi mana-mana pihak untuk raenytakan bahawa kalau kita hidup dalam suasana yang raana hukuman hudud itu tidak merupakan hukuman yang kita dihukumkan maka segala keislaman kita, segala araal ibadat kita itu dianggap sebagai sia-sia sahaja. Saya tidak boleh terima. Sebab saya percaya Allah s.w.t. Eahu apabila dia mewujudkan dunia ini kadangkala adanya

orang-orang Islam itu yang tidak akan dapat hidup dalam sebuah suasana yang seratus peratus Islam. Ada orang Islam di selatan Thailand hanya 2% sahaja daripada penduduk Thailand. Mereka tidak hidup .di bawah pelaksanaan hukuman hudud. Apakah kita hendak kata 2 orang Islam di selatan Thailand itu segala araal ibadat mereka sia-sia. Bukan perrcintaan mereka untuk duduk di negeri Thailand tetapi mereka dijadikan demikian.

Tuan Azman Atar bin Otbman: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Azman Atar bin Othinan: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat, yang pertama adakah Yang Berhormat telah lama mengikuti gerak-geri Parti PAS ini? Kalau sudah lama mengikut, pernah atau tidak Yang Berhormat ingat satu masa Parti PAS juga berada dalam Barisan Nasional? Adakah pernah dia menyuarakan untuk mengadakan hukum hudud pada ketika itu? Kalau tidak pernah mengadakan, kenapa. Adakah kerana dia dapat kemewahan, kedudukan yang sama seperti apa yang dirasa oleh orang-orang Barisan Nasional ketika itu ataupun dalam saat sekarang dia begitu ghairah hendak mengadakan hukum hudud kerana dia merasakan sudah tidak ada modal lagi hendak berkempen kepada rakyat kerana dia sudah banyak buat pembohongan, maka dia jadikan ini sebagai satu senjata sulit untuk hendak memerangkap orang-orang Melayu yang beragama Islam. Saya ingin hendak tahu daripada Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Azman saya memang mengikut politik di dalam negara kita dan sepanjang pengetahuan saya, semasa PAS duduk di dalam Barisan Nasional dahulu tidak pernah dibangkitkan supaya dilaksanakan hukuman hudud ini. Kalau pada ketika itu ia tidak menyebut langsung untuk melaksanakan hukuman hudud ini, mungkin kerana dia mendapat segala nikmat daripada kita pada ketika itu. Itu mungkin satu faktor yang boleh diterima ataupun boleh tidak diterima, both ways boleh, itu terpulang saya rasa mungkin pada ketika itu dia duduk dalam Barisan Nasional dia dapat nikmat, maka dia lupa untuk melaksanakan ataupun sengaja tidak.

Tetapi saya setuju dengan apa Yang Berhormat Tuan Azman bercakap tadi dan ini saya telah menjawab soalan daripada Uztazah Zaleha iaitu bahawa dia sekarang kehilangan modal. Dia naik memerintah di Kelantan atas kempen yang begitu hebat mencaci, mencerca Barisan Nasional dan berjanji segala-galanya, tetapi apabila dia memerintah dia tengok susah, maka pada ketika ini, oleh kerana kehilangan modal, raaka dia menggunakan isu hukum hudud sebagai isu politik. Itu sahaja dan tidak lebih daripada itu dan itu sebab saya setuju dengan apa yang Tuan Azman kata, memang, dia mempolitikkan soal hukuman hudud ini.

Tuan Yang di-Pertua, masih dalam soal hudud ini, sebab saya rasa kita harus kupas habis-habisan dan membahaskannya kerana ia merupakan satu perkara yang agak membimbangkan, khususnya kepada orang-orang yang bukan Islam. Tetapi saya ingin mengatakan bahawa yang Islam pun ada juga yang telah berjumpa dengan saya dan bertanya

banyak perkara berkenaan dengan soal hudud ini. Itu sebab saya kata, pelaksanaan tanpa perancangan tidak akan berjaya. Dan banyak daripada soalan yang diutarakan kepada saya oleh orang Islam itu sendiri. Kalau kita tidak bendung, mungkin boleh menyebabkan kerosakan akidah. Sebab itu sebelum kita hendak melaksanakan hukuman hudud ini, kita kena pastikan kalau sekiranya Malaysia ini, majoriti Islamnya besar dan kita jalankan faharan agama Islam itu tahun derai tahun, insya Allah, sarapai ketikanya bolehlah dilaksanakan. Tapi kalau negara kita ini peratusan Islam dengan bukan Islam itu hampir-hampir sama banyak dan fahaman agama Islam itu tidak diberikan tekanan yang sepatutnya, maka ini akan menyebabkan kita tidak boleh melaksanakan hukuman hudud ini kerana kurang penerangan. Sebab itu kita harus berhati-hati, jangan tanpa perancangan kita laksanakan hukuman hudud ini yang akan menyebabkan banyak persoalan yang akan ditanya oleh orang Islam itu sendiri yang boleh menyebabkan rosak akidahnya. Saya akan sebut apa yang ditanyakan oleh mereka kepada saya.

Mereka beritahu kepada saya kalau kita laksanakan hukum hudud ini untuk Islam, tetapi yang bukan Islam itu tidak dikenakan hukuman hudud, maka ada masalah. Masalah dua undang-undang untuk satu warganegara dalam negara Malaysia kita ini. Satu untuk Islam, satu untuk bukan Islam. Maka katakanlah ada seorang Islam dan seorang bukan Islam mencuri, dan kita ambil seara simplistic iaitu mencuri itu hukumnya potong tangan, maka si Islam ini apabila mencuri,

tangannya kena potong dan yang bukan Islam itu raencuri, tangannya tidak kena pptong tetapi dia kena jel tiga bulan, sebagai contoh.

Maka oleh kerana negara kita ini saraa banyak yang Islam dan yang bukan Islam, maka yang Islam ini akan tanya mungkin datang perasaan tidak puas hati, kerana dia kata, jenayahnya sama, dia curi aku curi, tangan dia ada, tangan aku tidak ada. Dia akan bertanya di manakah keadilannya dan apabila dta bertanya rosak akidahnya, sebab kita tidak boleh tanya sama ada adil ataupun tidak, tetapi oleh kerana suasana tadi yang raajoriti Islam itu tidak begitu besar kalau dibandingkan dengan yang bukan Islam, maka dia akan ada perbandingan dan ini akan raendatangkan perasaan tidak puas hati yang mungkin akan tnenyebabkan timbul tanda tanya di kalangan orang Islam itu sendiri, apakah hukuman hudud ini adil.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya sedikit soalan, boleh atau tidak berlaku apabila sesearang Islam telah raencurigai hukurn, sebagairaana Yang Berhormat Tuan Nazri cakap tadi, oleh kerana dia mencuri kena potong tangan dan yang bukan Islam tidak kena potong tangan, maka disaraping dia menyoal dan terus terkeluar akidahnya, dan masa ketika tangan dia kena potong, dia kata, "Eh, saya bukan Islam." Sebab dia hendak mengelakkan daripada kena potong tangan, dia terus kata, "Saya bukan Islam," tetapi di dalam hatinya berkata, "Aku terpaksa bercakap begini kerana hendak mengelakkan potong tangan." Selepas diampun dan tidak potong tangan dia pun bertaubat balik masuk Islam. Boleh atau tidak berlaku perkara macam itu?

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh berlaku. Sebab saya akan beri contoh yang benar berkenaan dengan seorang peguam wanita Melayu di mana berlaku perceraian di antara dia dengan suaminya dan terpaksa pergi ke pejabat kadi untuk mendapatkan keputusan sama ada dia ataupun suaminya berhak untuk menjaga anak mereka. Maka di bawah hukum syarak, oleh kerana ini soal agama Islam maka kadi membuat keputusan bahawa anak-anak ini mestilah di bawah jagaan bapanya. Habis sahaja keputusan, dia mengisytiharkan dia bukan Islam, sebab dia hendak kepada anaknya dan dia-raahu oleh kerana dia bukan Islam, maka kes ini mesti dibawa kepada Mahkamah Sivil dan bukan Mahkamah Syariah. Ini berlaku. Ini real, Tuan Azraan, bukan saya bangkitkan perkara ini kerana hendak meraperkuatkan hujah saya, tetapi ini berlaku. Itulah sebagai jawapan kepada Tuan-Azman iaitu kemutiginan berlaku itu ada,' apabila seseorang itu takut tangannya dipotong, maka dia mengaku yang dia bukan Islam.

Ini yang saya sebut pelaksanaan tanpa perancangan. Sebab kita kena pastikan perancangan kita itu betul supaya tidak akan terjejas keislaman orang kita. Katau pada hari ini kalau PAS menekankan supaya pelaksanaan hukuman hudud ini raesti dilaksanakan tanpa perancangan lebih awal, kalau berlaku perkara seperti ini maka PAS bertanggungjawab, bukan kita.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang-di-Pertua, saya mohon izin penjelasan daripada Yang Berhormat Saudara Nazri, dari pada sehubungan apa yang telah diceritakan kisah seorang peguam wanita tadi dan apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Saudara Azman Atar, tahukah saudara bahawa Rasulullah s.a.w.

telah melaksanakan hukura hudud ini di akhir zaman pemerintahan Baginda. Apakah saudara terbaca di dalarakisah ini?

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya berkelulusan sekular, Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya tidak terbaca dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ustazah Zaleha kerana raerabantu saya dalam hal ini. Kita harus arabil perkiraan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Kerosakan akidah seperti yang saya sebut itu adalah satu pertanyaan. Ada orang-orang Islara, orang Melayu kita yang bertanya kepada saya, dia berkata iaitu bahawa kalau kita menjalankan hukuman yang mana kalau-lah "A" itu membunuh "B", maka kalau "A" itu di bawa ke Mahkamah, dan didapati salah, maka nyawa mesti diganti dengan nyawa, melainkan tidak tahulah kalau "B" memaafkan, tetapi kalau di bawah undang-undang kita sekarang ini pun tidak boleh, tetapi kalau nyawa diganti dengan nyawa, itu adil, sebab dia ambil nyawa orang dan kalau dia didapati bersalah dia kena bayar dengan nyawa dia.

Itupun hukuman hudud juga, iaitu nyawa mesti diganti dengan nyawa. Tetapi dalam soal katalah mencuri, kalau saya mencuri sesuatu dari "B", katalah, ini secara simple saya curi satu ribulah kata daripada "B", saya ditangkap, raaka saya dihukum potong tangan, saya akan bertanya, ini tidak adil, sebab kalau saya curi seribu maka saya didapati salah, saya gantilah balik seribu. Saya curi seribu daripada dia, saya bukan curi Eangan dia. Apa fasal tangan saya hendak diambil oleh dia. Ini pertanyaan orang-orang Melaya kita sendiri yang mencurigai dan mempertikaikan keadilan berkenaan dengan hukuman hudud ini. Apa fasal tangan hendak kena diambil walhal kecurian itu hanya \$1000. Kalau didapati salah, bayar \$1000, kalau tidak boleh bayar masuk jel, mungkin 1000 hari, maknanya yang setimpal dengan jenayah itu.

Jadi pertanyaan ini bukan datang daripada orang bukan Islam, pertanyaan ini datang daripada orang Islam itu sendiri yang mempertikaikan, yang mencurigai tentang keadilan hukuman hudud itu sendiri. Ini kita harus jaga, jangan sampai kita laksanakan hukuman hudud, menyebabkan orang Islam kita sendiri mempertikaikan tentang keadilan hukuman itu.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan lagi supaya membuat Yang Berhormat lebih banyak point. lagi. Kalau terlaksana hukum hudud ini di Kelantan, curi potong tangan, ramai pula yang mencuri, maka beribu-ribu telah kena potong tangan, sudah tidak bertangan, adakah Yang Berhormat terfikir bahawa Kerajaan Negeri Kelantan akah tukar balik hukum itu, daripada hukum hudud balik semula kepada hukum sekarang, adakah Yang Berhormat terfikir?

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan lagi supaya Yang Berhormat Saudara Haji Mohamed Nazri akan menjawab bersekali dengan penjelasan dari Yang Berhormat Saudara Azman Atar

Tahukah saudara, kaitannya dengan apa yang dipercakapkan oleh saudara sebentar tadi. kemungkinan-kemungkinan besar di Negeri Kelantan nanti akan tersibar berita kononnya Dewan Negara, Yang Berhormat Saudara Haji Mohamed Nasri menghina hudud, apakah saudara dapat menjelaskan di Dewan ini,, contoh-contoh yang telah diutarakan oleh saudara itu adalah hanya merupakan sebagai suatu penerangan

bahawa sesiapa yang hendak melaksanakan hudud termasuk Kerajaan Negeri Kelantan perlulah memberi penerangan yang jelas, yang itu kepada seluruh rakyat yang beragama Islam dan bukan beragama Islam.

Yang kedua, saya pohon juga penjelasan daripada apa yang disebut oleh saudara tadi, bahawa adakah saudara Yang Berhormat Saudara Haji Mohamed Nazri tahu, bahawa PAS di Kelantan ini terutama Menteri Besarnya, dia suka buat perkara yang mengejutkan. Selepas perkara yang mengejutkan ini, apabila dia rasa 'terhantuk', dia akan kembali semula mengubahkannya.

Untuk penjelasan itu, dapatkah saudara menerangkan di Dewan ini supaya lebih jelas.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab soalan Yang Berhormat Tuan Azman Atar dahulu, iaitu saya fikirkan kalau berlakulah suasana seperti itu, saya ingat belum sempat dia hendak fikir lagi untuk meminda undang-undang, dalam pilihanraya dia akan kalah kerana mungkin perasaan itu

Tuan Azman Atar bin Othman: [Menyampuk]

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha! itu Yang Berhormat Tuan Azman yang cakap.

Berkenaan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ustazah Zaleha sebentar tadi» saya sedar bahawa memang ada mereka mengeluarkan fatwa iaitu kalau kita berbincang, mungkin akan membawa kepada menghina kepada hukum Allah. Saya tidak yakin bahawa mereka boleh mengambilalih urusan Allah s.w.t. iaitu sama ada saya berdosa ataupun tidak, itu bukan untuk mereka bagi memastikan keputusan itu.

Dalam Dewan yang raulia ini Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir tahu. bahawa saya bercakap ini sebagai penerangan mengapa saya kata bahawa itu belura sampai raasanya untuk kita melaksanakan hudud ini. Saya percaya dalam Islam kita boleh berbincang, saya tidak menghina agama Islam, saya memberi penjelasan sebab saya bertanggungjawab. Saya dalam parti UMNO, kalau UMNO tidak laksana, saya pertanggungjawab, sebab itu saya harus memberi penerangan kepada tuan-tuan dan puan-puan di dalam Dewan yang mulia ini.

Dan saya tidak yakin bahawa pada hari ini, apa yang PAS kata itu, semuanya itu dikehendaki oleh agama Islam kita. Kita harus ingat bahawa dalam zaman Rasulullah s.a.w, dahulu di kalangan ulama itu sendiri yang hidup dalam zaman Rasulullah dahulu, mereka sendiri mungkin tidak hidup dalam zaman Rasulullah, tetapi mungkin 60, 70 tahun selepas wafatnya Rasulullah itu, mereka sendiri, ulama sendiri mempunyai perbezaan pendapat berkenaan dengan hukum Islam ini sehingga menyebabkan kita ada 4 Mazhab Hanafi, Shafie dan sebagainya. Jadi, ulama itu sendiri boleh, oleh kerana mempunyai tafsiran masing-masing, kalau mereka ulama hidup dalam zaman yang paling rapat ketika Rasulullah wafat dahulu, boleh ada perbezaan pendapat, inikan pula kita 1,300 tahun selepas itu, hendak kata PAS ini betul semua tafsiran mereka.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sekali lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebentar Yang Berhormat Tuan Azman saya rasa kita beri peluang kepada Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri menjelaskan satu point. lagi yang ditimbulkan oleh Puan Hajah Zaleha. Selapas itu saya beri peluang kepada Tuan Azman. Silakan.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak menolakan dakwaan daripada Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha sebentar tadi, bahawa sememangnya Menteri Besar Negeri Kelantan suka membuat perkara yang mengejut. Saya juga terkejut apabila di Kedutaan Siam dahulu, ada pertunjukan Siam yang menunjukkan betis, itu juga merupakan perkara yang mengejut. Dan saya juga terkejut pada ketika ini, sarkas Islam dibawa ke Kota Bharu, yang mana kita tahu walaupun mereka menutup aurat tetapi penutupan aurat itu terlalu ketat sehinggakan dapat melihat perkara-perkara yang tertentu. Itu juga mengejutkan saya. Jadi, saya setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi, sememangnya Menteri Besar Negeri Kelantan suka membuat perkara-perkara yang mengejutkan.

Tuan Azman Atar bin Othamn: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat menyebut ulama di zaman selepas Rasulullah dahulu, setahu saya ulama ketika itu tidak ada kepentingan politik. Adakah Menteri Besar Negeri Kelantan sekarang boleh disamakan taratnya dengan ulama yang selepas wafatnya Rasulullah dahulu, yang mana beliau sendiri di Kelantan sebagai Menteri Besar, sebagai pemirapin politik dan mempunyai kepentingan politik? Saya ingin tahu adakah sama tarafnya antara ulama dahulu dengannya?

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingat, rneraang tidak sama, sebab kalau seseorang itu mengetuai satu pertubuhan politik, sudah tentulah segala keputusannya itu akan berbau politik dan akan dipengaruhi oleh pertimbangan-pertimbangan politik, dan memang banyak kalau kita lihat, tidak mungkin saya rasa ulama dahulu boleh duduk dengan Lim Kit Siang untuk membincangkan menjatuhkan Kerajaan Barisan Nasional yang mana Kerajaan ini meletakkan Islam ditempat yang tinggi hinggakan dimasukkan di dalam Perlembagaan bahawa Islam itu adalah merupakan agama Persekutuan kita.Saya tidak nampak, tetapi Menteri Besar Negeri Kelantan, dia boleh duduk dengan Lim Kit Siang, hari ini dia bergaduh berkenaan dengan soal hudud, Jadi, memang tidak samalah dengan kedudukan ulama yang ada pada ketika dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan soal praktikal yang di-bangkitkan oleh rakyat Malaysia, orang-orang Islam itu sendiri supaya kica semua tahu, sebab ini kerosakari akidah yang saya sebut sebentar tadi. Di kalangan orang-orang yang mahukan hukuman hudud, banyak yang menyatakan bahawa undang-undang manusia itu tidak boleh mengatasi masalah. Selagi kita raenggunakan undang-undang manusia, selagi itulah masalah pencurian itu cidak akan habis. Orang bertanya balik, kita tahu di Arab Saudi memang dilaksanakan hukuman hudud, siapa yang mencuri raaka dipotong tangan, soalnya apakah di Arab Saudi sudah berhenti soal pencurian itu. Adakah di Arab Saudi tidak berlaku lagi pencurian? Berlaku juga. Jadi, hujah yang

dibawa oleh orang yang mahukan hukuman hudud dilaksanakan bahawa undang-undang manusia itu tidak boleh menghentikan perbuatan mencuri, maka sama dengan hukuman hudud. Di Arab Saudi, walaupun tangan dipotong, orang masih lagi mencuri. Ini dia yang saya katakan sehingga apabila kita melaksanakan perkara ini tanpa perancangan, orang akan raerapsoalkan tentang keberkesanan undang-undang hukuman hudud itu sendiri. Ini yang kita tidak mahu berlaku, sebab kita tahu bahawa syariat hukuman hudud ini, itu kita mesti terima, kita jangan tanya sama ada baik atau tidak baik, itu kita tidak tahu.

Puan Kalthom binti Haji Othman: [Bangun dan meninggalkan Dewan]

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh! Ustazah keluar, takapa!

Jadi, itu dia Maknanya apabila kita cuba hendak melaksanakan tanpa perancangan, taripa kita meraberikan il'rau kepada orang Islara itu sendiri, maka kita melaksanakannya menyebabkan orang Islam itu rosak akidahnya kerana'perbuatan PAS yang tidak ada perancangan itu. ,Ini bahaya dia.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mendapat sedikit penjelasan.Tadi saya ingat Yang Berhormat Tuan Haji Nazri tergamam fasal Senator daripada PAS bangkit, ingatkan dia hendak bertanya tadi, rupanya dia hendak keluar. [Ketawa] Saya tengok sepanjang Yang Berhormat bercakap masalah hukum hudud, saya fahara Yang Berhormat tidak menolak, malahan menyokong. Cuma Yang Berhormat mempertikaikan cara melaksanakan kerana tak sesuai dengan keadaan. Saya cuma hendak tahu pula, selain daripada hukum mencuri potong tangan, kita ada hukura hudud yang kita tahu mencuri dipotong tangan, zina direjam sampai mati, bunuh dipancung sampai mati. Saya hendak tahu dari segi zina, bolehkah Kerajaan Kelantan kalau raelaksanakan hukum hudud, dia boleh mendapatkan saksi empat orang yang betul-betul mempunyai cukup lengkap menjadi syarat saksi sebagai seorang mukmin yang tak pernah meninggalkan sembahyang, tak pernah buat maksiat dan tak pernah pembohong, kalau dibezakan cara hukum hudud di zaman Rasulullah dahulu di mana keadaan rumah cuma dengan dinding-dinding daun tamar, kalau berlaku sesuatu perbuatan zina mudah orang boleh mengintai, selak sahaja daun boleh nampak. Tetapi dengan keadaan sekarang, orang buat kerja di hotel, adakah

dengan cara kita nampak lelaki dan perempuan itu turun, maka kita sudah tuduh dia berzina dan kita terpaksa hukuman mengikut cara hukum hudud? Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya rasa sememangnya ia menjadi masalah, sebab kita tahu, kalau tidak silap saya di Pakistan yang telah melaksanakan hukuman hudud ini sebenarnya menjadi masalah dan sebenarnya menganiayakan kaum wanita, kerana sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Azman sebentar tadi, katalah kes rogol, rogol itu zinalah, rogol maknanya paksaan. Kes rogol yang kita tahu bahawa ramai wanita yang dirogol di Pakistan, perogolnya itu dilepaskan, kerana apa? Kerana soal hukuman hudud tadi yang mana empat saksi yang melihat perbuatan itu, iaitu yang Islam, semualah syarat yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Tuan Azman sebentar tadi. Kalau mengikut undang-undang biasa, apabila seseorang wanita dirogol maka ada bukti menunjukkan bahawa di dalam hotel itu silelaki perogol itu mendaftar nama dia untuk tarik perempuan ini duduk dalam hotel, kemudian doktor boleh menguji tentang kemaluan wanita itu sendiri dan melihat, dan daripada itu apa yang dikatakan bukti suasana (circumstantial evidence), maka kita boleh tangkap perogol itu dan kita dakwa, dan dengan bukti ini dia boleh dikenakan hukuman, tetapi bukti ini tidak boleh di bawah hukuman hudud. Hukuman hudud mahu empat saksi, sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Azman tadi. Jadi, banyak. Macam di Pakistan menghadapi masalah pada ketika ini, kerana apa? Kerana sukar untuk mencari saksi, untuk memberi bukti bahawa perogolan itu telah berlaku. Jadi, yang jadi mangsa ialah

kaum wanita. Sebab itu ,saya kata kita mesti kaji dan merancangkan betul-betul perkara ini.

Ramai yang berkata pula kepada saya, macam saya sebut soal curi dipotong tangan, dia kata, Nazri, bukan raacara itu sahaja, dia ada bab-bab tertentu. Saya kata, bab-bab tertentu inilah yang harus diberitahu kepada-kita. Saya kata, macara mana. saya hendak memberi penerangan kepada orang bukan Islam. hendak meyakinkan dia. Kita kata, oh, Ah Leng, you jangan bimbang, kalau ada hukuman hudud, ini, ini berlaku. Dia tidak akan percaya, sebab dia tak tahu. Hendak memberitahu ini bukan kita boleh beritahu dalam masa satu,dua, tiga,empat,lima hari. Hendak beritahu penjelasan tentang hukuman hudud ini akan meraakan masa yang lama. Sebab itu, pada ketika ini kita tidak akan laksanakan hukuraan hudud ini kerana persiapannya belum ada.Kita bimbang nanti kalau kita menekan hukuman hudud ini, orang-orang bukan Islam yang .tak faham dan orang-orang Islam yang kurang yakin juga tidak akan menyokong kita untuk menubuhkan Kerajaan di masa yang akan datang, sebab kita demokrasi.Kita mahu sokongan daripada orang ramai menyokong kita, baru kita boleh tubuhkan Kerajaan.Demokrasi maknanya mesti meyakinkan dan memenangi, menawani hati rakyat kita. Kalau kita tak tawan perasaan dia, dia tak tahu tentang hukuman hudud, kita laksanakan, maka akan huru-hara. Dia tak akan undi kita, kita tak akan tubuhkan Kerajaan. Kita tak tubuh kerajaan, naik Kerajaan lain yang bukan Islam, habis kedudukan Islam kita. Ini kita hendak kena jaga.

Kita jaagan jadi macam Parti PAS dan rakan-rakan dia di Kelantan melihat hanya daripada satu sudut sahaja, nampak satu.....

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Yang Berhormat menyebut rakan-rakan tadi, PAS siapa rakan dia di Kelantan?

Tuan Haji Hohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasihlah Yang Berhormat, sebab saya pun terlupa sebentar tadi dalam hujah saya siapa rakan dia, cuma bila duduk sekejap nanti Yang Berhormat boleh memberi kesempatan untuk saya memikirkan siapa rakan dia, Semangat 46lah rakan dia. Jadi, itu yang saya sebut jangan saropai kita melihat daripada satu sudut sahaja, maka kita laksanakan benda itu, rakyat tak sokong kita, ini demokrasi, maka kita tidak dapat mewujudkan Kerajaan, maka kita tidak dapat mempertahankan Islam itu sendiri. Sebab kalau naik parti-parti yang bukan dianggotai oleh orang Islam, mungkin kedudukan Islam itu juga akan tergugat. Bukan soal hudud sahaja tidak boleh dilaksanakan, tetapi banyak benda-benda lain lagi yang tidak boleh dilaksanakan kalau naik Kerajaan yang tidak dianggotai oleh parti-parti yang majoriti beragama Islam.

jadi fikir sedikitlah PAS, Semangat 46, jangan buat sesuatu memikirkan bahawa untuk permainan politik sahaja. Kita mesti lihat daripada kesihatan, dengan izin, the health of the nation. Saya percaya sebagai orang Islam, kita juga diberitahu bahawa kita harus menghormati pandangan orang-orang yang bukan Islam. Kita tahu bahawa pemberian yang paling tinggi kepada kita ialah nyawa. Apakah kita kata hanya nyawa Islam sahaja yang penting, manakala nyawa yang bukan Islam tidak penting? Saya ingat Tuhan tidak berkata demikian kepada kita. Seolah-olah apa yang hendak dibuatkan oleh Kerajaan di

Kelantan pada hari Ini tidak langsung ambilkira perasaan orang-orang yang bukan Islam. Seorah-olah orang-orang bukan Islam ini tidak ada peranan, tidak boleh hidup sebagai rakyat warganegara dalam negara kita ini, pandangan mereka tidak penting, buat apa sahaja. Tetapi bukankah kita tahu bahawa dalam Islam tidak ada paksaan. Rata-rata kita pergi kalau kita beritahu, kita bercakap, dalam Islam tidak ada paksaan. Mengapa mahu paksa terhadap orang yang bukan Islam ini? "Apakah mereka itu merupakan nyawa yang tidak penting kepada kita? Kita tidak ambilkira langsung pandangan dia? Saya ingat bukan macam itu.

Saya percaya sebelum ini di zaman Kerajaan Islam ramai daripada penduduk mereka juga adalah orang-orang yang bukan Islam. Saya percaya Kerajaan-kerajaan Ulama dahulu dalam apa dia hendak buat pun dia ambilkira juga bahawa dalam negara itu mempunyai orang-orang yang bukan beragama Islam. Itulah dia. Saya hendak nasihatlah kawan-kawan kita daripada golongan orang-orang yang bukan Islam yang tak menyokong Barisan Nasional, lain kali jangan tidur dengan orang yang awak tak kenal, jangan berkawan dengan orang yang awak tak kenal. Jagalah Barisan Nasional ini, sebab semua sudah tahu apakah dasar Barisan Nasional. Semua tahu bahawa kita sederhana dalam segala tindak-tanduk kita. Jangan lupa bahawa Barisan Nasional ini merupakan satu intan permata yang tinggi nilainya. Kalau kita di masa yang akan datang lupa tentang hakikat ini dan cuba-cuba hendak memilih Kerajaan yang lain, maka itulah yang berlaku kepada orang-orang yang bukan Islam yang pada hari ini duduk di negeri Kelantan. Belum boleh dilaksanakan lagi hukuman hudud, saya dengar sudah ramai minta untuk keluar daripada negeri Kelantan, takut.

Ini satu pengajaran. kepada kita. Jangan intan permata yang nilainya tinggi kita buang, kerana kalau kita buang besok mungkin yang naik itu kaca. Ini kita harus jaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat untuk berucap dengan lebih panjang lagi kerana saya kira iaitu bahawa dalam soal hudud ini saya harus raemberi penjelasan yang sepanjang-panjangnya kepada Ahli-ahli yang ada dalam Dewan ini dan juga kepada mereka yang turut hadir sebagai pemerhati untuk mengetahui tentang apakah sebenarnya yang dimaksudkan oleh pendirian yang telah diarabil oleh UMNO iaitu bahawa kita sokong hukum hudud, tetapi kita tidak akan melaksanakannya di negeri-negeri yang raana kita memerintah kerana suasana sekarang yang mana orang-orang Islam itu bukan merupakan majoriti, tetapi sama hampir banyak dengan yang bukan Islam, maka inilah yang menyebabkan kita tidak boleh laksanakan hukuman Hudud ini kerana bimbang tentang perkara yang mungkin boleh berlaku seperti mana yang telah saya hujahkan sebentar tadi.

Marilah kita berdoa kepada Allah subhanahu wataala semoga setiap pemimpin parti politik yang ada dalam negara kita ini diberikan apa yang dikatakan kewarasan pemikiran otak yang bijaksana dan tidak membuta tuli, hentam keromo kerana semata-mata hendak menegak ataupun hendak menutup kelemahan sendiri, bangkit benda-benda yang boleh memecahkan perpaduan yang selama ini telah kita wujudkan di dalam tanahair kttta **ini**. Insya Allah, saya yakin dengan pimpinan UMNO Barisan Nasional yang waras dan bijaksana dengan disokong oleh rakan-rakan kita daripada MCA, MIC, Gerakan dan juga

parti-parti komponen. di Sarawak, saya yakin dan percaya bahawa kita akan berjaya di raasa akan datang dan saya yakin dan percaya iaitu kita merupakan Kerajaan yang diredhai oleh Allah subhanahu wataala kerana kita tahu setiap perkara yang berlaku ini tidak mungkin boleh berlaku kalau tidak di atas kehendak Allah subhanahu wataala. Dan, kalau kita memerintah daripada merdeka sampai sekarang, sudah pasti Allah meredhai segala pentadbiran dan pemerintahan kita ini, insya Allah.

Maka dengan ucapan itu, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dan saya menyokong Usul Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada catatan di sini. Oh ya, Tuan K.

Munisamy.

5..24 ptg.

Tuaa K. Munisamy: Tuan Yang di-Pertua, Ampun Tuanku, patik memohon ampun, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara di persidangan Penggal Kedua, Parlimen yang Kelapan, patik menjunjung kasih Kebawah Duli Yang- Maha Mulia.....

Timbalan Yang di-Pertua: Apa itu Yang Berhormat? Apa permulaannya itu? Saya ingat tidak payah menggunakan hormat-hormat Diraja di sini dan saya percaya sekiranya Yang Berhormat ingin menyokong, saya iagat teruskan sahaja dan addresskan sahaja kepada Yang di-Pertua dan terus sokong. Jadi, saya rasa kalau disebutkan salute Diraja itu saya rasa tidak sesuai dengan masanya sekarang.

Tuan K. Munisamy:Tuan Yang di-Pertua, patik menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.....

Timbalan Yang di-Pertua: Oh, jadi maksud Yang Berhormat ingin menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, itu maksudnya?

Tuan K. Munisamy:Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi saya rasa jangan 'ampun' di situ kerana tidak ada kedudukan Diraja di sini untuk diminta ampun.

Tuan K. Munisamy:Teritna kasih. Tuan Yang di-Pertua.,....

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingat Tuan K. Munisamy bermaksud ingin menyokong Usul?

Tuan K. Munisamy: Ya, ingin menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, saya ingat sebut perkara itu, saya ingin menyokong.

Tuan K. Munisamy: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.....

Timbalan Yang di-Pertua: Usul Titah Ucapan,....

Tuan K. Munisamy: Usul Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah kerana Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada masa hari pembukaan Penggal Kedua, Parlimen Yang Kelapan. Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yaag di-Pertua: Teruskan.

Tuan K.Munisamy: Patik mengucapkan ribuan terima kasih ke atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda mengenai.....

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingat jangan sebut 'patik' saya.

Tuan K. Munisamy: Saya mengucapkan ribuan terima kasih ke

atas,ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda mengenai pembasmian kemiskinan walaupun negara sedang pesat membangun dan keadaan pertumbuhan ekonomi adalah 8% bagi tahun 1991, namun keadaan kemiskinan wujud di kalangan masyarakat luar bandar dan, di ladang-ladang. Kerajaan dalam usaha membangunkan negara ke arah mencapai Wawasan 2020 tidak seharusnya memandang ringan terhadap pembangunan luar bandar dan ladang-ladang, Ini adalah kerana ramai daripada rakyat Malaysia,tinggal di kawasan luar bandar dan tergantung kuat kepada hasil keluaran pertanian. Selaras dengan hasrat ini, Kerajaan seharusnya memajukan ini berasaskan keluaran pertanian. Ini adalah bagi meningkatkan pendapatan golongan petani miskin dan pekerja-pekerja di ladang-ladang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan yang mulia ini untuk meninjau keadaan yang sedih dan menekan di kawasan ladang-ladang di samping keadaan tekanan kerja, keadaan infrastruktur di tahap yang rendah, pekerja-pekerja di ladang-ladang tidak mempunyai tanah milik sendiri. Pada suatu masa dahulu melalui program Buku Hijau pekerja ladang diberikan sebidang tanah untuk tujuan pertanian, tetapi kini amalan ini tidak dipraktikkan. Pekerja-pekerja ladang digunakan separuh masa oleh majikan untuk mendapat keuntungan berlainan manakala pekerja ladang tidak mendapat apa-apafaedah.

Saya ingin, , mencadangkan agar pekerja-pekerja di ladang menubuhkan satu bentuk koperasi dan mendapat tanah daripada majikan untuk diusahakan bersama. Dengan cara ini kita dapat meningkatkan pendapatan golongan pekerja di ladang-ladang yang benar-benar miskin. Di samping itu, Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan

Tamil di ladang-ladang adalah berbentuk bantuan modal. Sekolah-sekolah ini kekurangan peralatan bangku, meja dan juga guru-guru yang terlatih. Saya ingin mencadangkan agar sekolah-sekolah Tamil di ladang-ladang dijadikan sekolah bantuan sepenuhnya. Hanya dengan cara ini anak-anak peksrja di ladang-ladang akan mendapat cara dan tahap pendidikan yang sama taraf dengan anak-anak di kawasan bandar-bandar besar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tnakluraan Dewan yang mulia ini keputusan-keputusan peperiksaan di sekolah-sekolah Tamil di luar bandar adalah tldak memuaskan. Pihak Kementerian Pendidikan seharusnya melawat dan mengatasi punca kegagalan murid-murid India di kawasan luar bandar. Adalah didapati sering sekali pegawai Kementerian Pendidikan melawat sekolah-sekolah ini di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah mengenai peruntukan masa mengajar Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan tidak mencukupi. Ini menyebabkan murid-murid di sekolah SRJK di luar bandar tidak fasih dalam Bahasa Malaysia terutama di peringkat sekolah rendah. Saya mencadangkan agar ditambahkan masa pengajaran Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertuaj saya ingin memberi cadangan-cadangan tentang soal pembuangan bahan-bahan daripada kilang-kilang kelapa sawit.

Dalam proses peneluaran minyak, kilang-kilang kelapa sawit menghasilkan bahan pembuangan yang banyak. Ini merupakan sumber pencemaran yang utara jika ianya tidak diurus dengan baik, kononnya apa yang berlaku di Pantai Remis, Perak baru-baru ini menyedihkan. Kebanyakaa daripada bahan pembuangan ini mempunyai sifat organik dan boleh diproses untuk digunakan semula sebagai baja organik dan produk-produk nilai tambahan. Tandan-tandan buah kelapa sawit selepas diproses tidak perlu dibakar atau dibuang, tetapi hendaklah dikembalikan ke ladang-ladang dan diletakkan di antara pokok-pokok kelapa sawit untuk reput dan menjadi baja. Ianya boleh juga dijadikan palpa, kertas dan juga bahan-bahan untuk pembinaan seperti partrcle board, dengan izin. Cecair yang dikeluarkan mempunyai sifat pencemaran yang tinggi dan hendaklah diproses sebagai baja organik ataupun dikeringkan untuk digunakan sebagai makanan haiwan. Batang-batang dan dahan-dahan pokok kelapa sawit yang tua yang ditebang untuk ditanam semula tidak perlu dibakar seperti cra tradisional, tetapi diletakkan di antara pokok-pokok yang baru ditanam dan dibiarkan reput dan dijadikan bahan-bahan berzat untuk pokok-pokok baru. Dengan cara ini pencemaran udara dapat dikawal.

Penyelidikan menunjukkan bahawa batang-batang dan dahan-dahan boleh juga diproses sebagai kayu balak untuk membuat perabut-perabut dan papan pembinaan ataupun dijadikan sebagai makanan haiwan. Oleh yang demikian, pengurusan dan pengawalan bahan pembuangan kelapa sawit tidak hanya menjimat kos baja-baja yang diimport tetapi menghasilkan alara sekitar yang bersih dan bebas daripada pencemaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi pendapat mengenai dadah. Dadah adalah satu ancaman yang merbahaya kepada negara kita dan ia merupakan musuh yang utama kepada generasi baru kita. Walaupun beberapa langkah-langkah dan kempen-kempen telahpun diamalkan untuk menghapuskan penyalahgunaan dadah, ia perlu dipergiatkan lagi terutamanya di kalangan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab dan lain-lain institusi pengajian tinggi di negara ini. Ini adalah ekoran daripada hakikat bahawa peratusan pesalah daripada penagihan dadah adalah terdiri dari golongan muda dan pelajar-pelajar.

Pusat-pusat pengajian ini perlu menubuhkan badan-badan atau persatuan khas supaya mereka dapat memupuk nilai-nilai murni serta sikap bertanggungjawab sebagai satu langkah untuk mencegah penyalahgunaan dadah. Persatuan-persatuan ini hendaklah meraberi kesedaran tentang akibat dan kesan-kesan negatif penyalahgunaan dadah pada diri sendiri, keluarga dan negara. Persatuan-persatuan ini perlu

mengadakan hubungan dengan anggota Polis tempatan supaya memperoleh maklumat-maklumat semasa mengenai kes-kes penagih dadah melalui ceramah-ceramah mahupun lawatan-lawatran ke pusat-pusat pemulihan penagihan dadah. Dengan ini generasi muda masa kini akan sering dapat pengawasan daripada pihak berkuasa dan dapat menjauhi daripada anasir-anasir anti-sosial yang mungkin akan mempengaruhi mereka itu menuju jerat dadah.

Kementerian Pendidikan juga perlu memainkan peranan yang penting dalam menguatkuasakan peraturan Jalan penubuhan perbadanan seperti ini. Untuk mengurangkan bilangan penagih dadah di pusat-pusat pengajian. Kementerian ini perlu juga mengamalkan kurikulum khas yang memberi kesedaran dan pendidikan kepada pelajar-pelajar mengenai ancaman dadah.

Pihak pentadbir pusat-pusat pengajian tinggi juga harus didorongkan untuk memilih anggota-anggota badan perisik dan Polis untuk berkhidmat di pusat ini, supaya dapat mengawas dan mengesan pelajar-pelajar yang mungkin terlibat dalam penyalahgunaan dadah supaya dirawat dan dipulih sebelum terlewat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berucap mengenai perdagangan antarabangsa dan perkembangan ekonomi di rantau ini. Satu pergolakan politik yang baru lalu ialah kejatuhan blok-blok komunis dan kemunculan negara-negara demokratik. Malaysia tidak harus melepaskan peluang untuk memandangi perkembangan ini. Malaysia harus

mengambil keserapatan untuk mengadakan hubungan dua hala dengan negara-negara ini terutamanya negara-negara di Eropah Timur yang merupakan satu pasaran bagi bahan-bahan keluaran negara ini. Di samping memperluaskan hubungan dengan negara-negara di blok Eropah Timur, Malaysia juga harus raeluaskan hubungan dengan Yietnam dan Kambodia. Lawatan Timbalan Perdana Menteri Vietnam ke Malaysia dan pembukaan beberapa syarikat Malaysia di Vietnam jelas menunjukkan potensi untuk pelaburan Malaysia di luar negeri dan di samping itu ia juga memberi peluang untuk memasarkan hasil keluaran negara, Dengan ini adalah diharapkan lebih ramai pihak swasta di Malaysia akan menceburkan diri untuk melabur di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sudah dan sedang berbelanja berjuta-juta ringgit untuk membekalkan kemudahan kesihatan supaya rakyat negara kita dapat hidup dengan sihat dan sejahtera. Walaupun terdapat kemudahan kesihatan yang baik, pihak yang menguruskan dan menyampaikan kemudahan-kemudahan kepada rakyat tidak menjalankan tugas mereka dengan sempurna. Ini berlaku terutamanya di hospital-hospital Kerajaan di mana beberapa orang doktor tidak merawat pesakit-pesakit mereka dengan baik. Ini adalah rungutan orang ramai terutamanya pesakit-pesakit miskin yang tidak mampu menanggung perbelanjaan rawatan di hospital-hospital swasta.

Terdapat kes-kes pesakit yang telah menunggu selama setahun dan gagal menerima rawatan, terutamanya kes-kes pembedahan di hospital-hospital Kerajaan. Pesakit-pesakit ini telah berputus asa dan mendapat pinjaman wang daripada orang lain untuk mengubati penyakit mereka yang semakin tenat ataupun telah tenat. Ini adalah kenyataan yang benar yang mana kita sering dapat baca dalam suratkhbar-suratkhbar harian di sudut suara rakyat. Kalau inilah keadaannya di hospital-hospital Kerajaan, adakah benar bahagian anggota doktor di hospital-hospital Kerajaan hanya bekerja untuk gaji ataupun adakah mereka tidak mempunyai kebolehan dan kepakaran untuk mengubati dan merawat pesakit-pesakit mereka? Jika terdapat kes-kes aduan mengenai para pegawai perubatan yang tidak bertanggungjawab dan bertimbangrasa terhadap pesakit-pesakit mereka, pihak yang berkeajaan patut mengkaji keadaan yang sebenar dan mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka. Jika perlukan bukti-bukti mengenai aduan-aduan seperti ini, saya bersedia untuk menyampaikannya kepada Kementerian yang berkenaan.

Kes-kes aduan ini banyak diterima khasnya daripada pesakit-pesakit yang mendapat rawatan di Bahagian Ortopedik, Hospital Besar, Ipoh. Ada beberapa orang doktor yang menggunakan kata-kata yang kasar dan menyinggung perasaan para pesakit dengan mengatakan bahawa pesakit-pesakit berpura-pura sakit untuk mendapatkan sumbangan wang daripada SOCSO. Ada juga doktor-doktor yang tidak pernah menyentuh para pesakit mereka untuk memeriksa keadaan kesihatan mereka. Sikap negatif dan sikap yang tidak bertoleransi, tidak meyyang dan tidak bersimpati di kalangan para pegawai perubatan patut ditinggalkan.

Kementerian Kesihatan patut mengarabil tindakan terhadap doktor-doktor seperti ini yang memburukkan nama baik profession perubatan yang dianggap suci dan mempunyai jasa pengorbanan. Kekurangan seperti ini akan mencemarkan prestasi hospital Kerajaan dan menimbulkan keraguan di kalangan orang raraai terhadap segala tindakan dan usaha-usaha Kerajaan menuju ke arah Wawasan 2020. Jika Keraenterian menerima bukti-bukti tentang pegawai-pegawai perubatan yang tidak bertanggungjawab ini, mereka patut dipecat daripada profession mereka sebagai doktor. Dengan ini kita akan dapat mengekalkan prestasi dan naraa baik profession yang suci ini serta mempertahankan prestasi para pegawai perubatan lain yang cekap, amanah dan bertanggungjawab. Oleh yang demikian, Kementerian yang berkenaan hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya dengan segera atas aduan-aduan dan mengatasi kekurangan yang terdapat di hospital-hospital Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada skuad Badminton negara yang berjaya merabawa kembali Piala Thomas. Usaha sempenanya ini seharusnya menjadi teladan kepada pihak-pihak lain terutamanya di peringkat sekolah. Akhir sekali, saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan TimbaLan Yang di-Pertua Dewan Negara di atas pemilihan mereka ke jawatan masing-masing di Dewan Negara yang mulia ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

5.40 ptg.

Puan Law Jack Yooa: Teriraa kasih, Tuan Yang di-Pertua.Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana diberi penghormatan berucap hari ini bagi membahaskan Usul Menjunjung Kasih di atas Titah DiRaja yang disampaikan ,pada 27hb April, 1992. Kali ini ialah kali yang keenam dan kali yang ke akhir bagi saya untuk berucap membahaskan Usul Menjunjung Kasih di-atas Titah DiRaja.Saya merasa bangga kerana telah dapat berbuat demikian bagi menunaikan tanggungjawab saya sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Titah DiRaja kali ini, negara kita yang tercinta ini telah menikmati keamanan, kestabilan dan kemakmuran dan sudah sepatutnya bagi kita mengekalkan semua ini dan memperkukuhkannya lagi untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang ada sekarang sehingga kita mencapai matlamat Wawasan 2020 dan seterusnya kita perlu melihat apa yang telah kita buat selama ini.

Keamanan datang dari perpaduan di antara kita rakyat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan keturunan. Kestabilan juga datang dari perpaduan kita yang erat. Pertumbuhan ekonomi kita datang juga dari perpaduan di antara kita. Begitu juga kestabilan politik dan ekonomi serupa juga dengan keamanan. Perpaduan ini telah .diwujudkan dari, dasar-dasar yang boleh diterima dan memberi manfaat kepada rakyat. Dengan ada semua ciri-ciri ini, Kerajaan telah dapat merancang program-program untuk membawa pertumbuhan ekonomi dan dengan itu meningkatkan lagi taraf hidup rakyat. Perpaduan yang kita wujudkan dan kestabilan politik yang tercetus darinya memberi keyakinan kepada negara-negara luar untuk melabur di negara kita.

Saya rasa Kerajaan Barisan Nasional patut sangat diberi penghormatan kerana telah dapat merabawa kemajuan kepada negara kita yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah maju, tetapi kita tidak boleh berpuashati dengan kemajuan yang telah dicapai. Banyak lagi yang boleh dilakukan sehingga kita dapat mencapai taraf negara yang sudah membangun. Untuk mencapai taraf negara maju ini dan juga untuk memenuhi matlamat Wawasan 2020 itu, kita perlu berusaha lebih gigih lagi. Banyak lagi bidang dan lapangan yang boleh diperbaiki-

Negara kita pada masa ini kekurangan tenaga mahir. Ini diketahui umum. Kita perhatikan di sekeliling kita, banyak bidang petnbangunan yang dipenuhi oleh rakyat asi'ng. Kemajuan negara kita begtu rupa. Kita tidak dapat menyertai pertumbuhan yang begitu pesat. Kerajaan telah merancang untuk membina lebih banyak lagi sekolah-sekolah vokasional, tetapi mengikat pandangan saya jumlah yang dirancang itu masih tidak cukup. Dengan itu, lebih banyak lagi sekolah-sekolah seperti ini perlu didirikan. Kurikulum yang diwujudkan mestilah dinamik supaya kurikulum ini dapat bersaing dengan perkembangan teknologi dari masa ke semasa. Tenaga pengajar perlu dilatih dengan segera supaya seimbang dengan pertambahan sekolah-sekolah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan perkara yang sama, pelajar-pelajar sekolah-sekolah vokasional yang bekerja di kilang-kilang perlu diberikan insentif supaya mereka kekal bekerja di sana. Sekiranya insentif yang diberikan itu menjamin hidup masa depan mereka, mereka tidak akan meninggalkan negara ini untuk berhijrah bekerja di negara lain.

Insentif ini boleh diberikan dalam beberapa bentuk. Mereka diberi upah yang setaraf dengan kelulusan dan Kemahiran mereka. Mereka diberi upah setaraf dengan taraf hidup pada masa kini. Majikan menanggung kos rawatan hospital untuk mereka dan tanggungan mereka. Satu insentif yang amat penting yang belum begitu popular di negara kita ialah mereka ini dibolehkan memberi saham syarikat tempat mereka bekerja dengan harga asal saham itu. Sekiranya mereka diberi 1,000 hingga ke -5,000 saham tiap-tiap seorang dengan harga \$1.00 satu saham, saya fikir mereka akan lebih bertanggungjawab lagi untuk memajukan syarikat yang mana mereka ada juga pemegang sahamnya. Pembelian saham ini boleh dibuat secara bayaran beransur-ansur melalui potongan gaji tiap-tiap bulan. Kerajaan telah memerlukan usaha ini dengan menawarkan saham-saham perkhidmatan yang diswastakan seperti Tenaga Nasional, PROTON dan Syarikat Telekom Malaysia Berhad. Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana telah menjadi pelupuk dalam perkara ini dan saya harap banyak syarikat swasta akan mengikut teladan yang baik ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan industri elektronik sekarang ini bertambah canggih. Dunia berlumba-lumba menguasai industri **ini**. Saya perhatikan bahawa Kerajaan kita tidak begitu dinamik di dalam usaha menguasai lapangan ini seperti penggunaan komputer. Pada peringkat ini, Kementerian Pendidikan baru sahaja membuka

beberapa buah pusat komputer di sekolah-sekolah tertentu sebagai permulaan. Saya fikir dalam perkara seperti ini, kita tidak ada pilihan melainkan dengan secara bersungguh-sungguh mendedahkan penuntut-penuntut di semua sekolah. Tiap-tiap sekolah sepatutnya sudah ada pusat komputer. Semua murid yang berkebolehan harus diberi peluang belajar komputer. Ini bermakna Kerajaan terpaksa berbelanja banyak bagi membekalkan komputer ke semua sekolah. Saya yakin sungguhpun Kerajaan harus berbelanja banyak wang untuk pendidikan komputer, pulangan yang kita dapat nanti adalah lebih banyak lagi dari apa yang kita membelanjakan hari ini.

Kecanggihan komputer ini meningkat hari demi hari. Kita tidak boleh lagi menunggu. Jika kita tunggu dan beragak-agak dalam menguasai penggunaan dan kegunaan alat ini, kita akan ketinggalan. Lagi lama kita menunggu lagi jauh kebelakang kita ketinggalan. Pelancaran komputer ini adalah satu pelaburan yang akan memberi pulangan yang lumayan pada suatu masa nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menubuhkan satu tabung pinjaman untuk membeli komputer bagi pegawai-pegawai Kerajaan, Ini akan memanfaatkan hanya pegawai-pegawai Kerajaan yang mampu dan yang mempunyai tidak banyak komitmen. Ini memberi makna bahawa pegawai di peringkat bawahan yang mampu mempelajari dan menggunakan komputer tidak akan dapat menikmati alat ini, Apa kata jika komputer ini mudah diperolehi oleh pekerja-pekerja kita yang memerlukannya. Kerajaan boleh membantu dengan mengurangkan cukai ke atas alat-alat ini supaya boleh dimampukan oleh mereka yang berpendapatan sederhana dan juga rendah.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya beralih kepada tajuk lain berhubung dengan tabiat membaca di kalangan anak-anak kita. Kita melatih anak-anak kita membaca, tetapi kita gagal menanamkan semangat suka membaca. Dengan itu ada perlu bagi mereka dididik supaya suka membaca. Satu daripada caranya ialah dengan menyediakan buku-buku yang menarik untuk dibaca bagi semua peringkat umum. Buku-buku seperti ini banyak dijual tetapi harganya mahal-mahal belaka dan di luar kemampuan kanak-kanak biasa. Penuntut Tingkatan V, umpamanya, suka membaca buku-buku novel. Sebuah buku seperti ini yang berkulit nipis berharga tidak kurang dari \$20.00. Bagaimana seorang murid biasa dapat membelinya jika wang sakunya hanya \$1.00 sahaja sehari. Untuk mengatasi perkara seperti ini maka ada perlunya perpustakaan kita dikemaskini dan bahan-bahan bacaan ditambah dengan lebih banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya fikir diberi perhatian khas pada masa ini ialah berhubung dengan keselamatan jalanraya. Negara kita memerlukan semua sumber manusia yang ada untuk membangunkan negara, terutama sekali pada masa kini, iaitu pada masa negara kita sedang pesat membangun. Malangnya kita kehilangan sumber ini dari masa ke semasa. Mengikut perangkaan bagi 11 bulan pertama tahun -lalu terdapat 88,702 kemalangan jalanraya yang mengakibatkan 3,675 kematian dan 9,238 kecederaan parah dan 17,218 kecederaan ringan. Kemalangan-kemalangan ini sudah menjadi beban kepada Kerajaan dan negara. Kehilangan hasil keluaran negara yang dianggarkan sebanyak \$1.00 bilion adalah berpunca dari kemalangan jalanraya. Ini adalah satu pembaziran. Keadaan ini perlu diperbaiki dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, semua pemandu ada baik belaka tetapi yang tidak baik ialah sikap mereka apabila memandu.

Saya senaraikan di sini beberapa kategori pemandu, mengikut pendapat saya:-

- (i) Mereka yang memandu lokomotif iaitu kenderaan-kenderaan yang besar dan saya gelar mereka ini "hantu jalanraya" atau, dengan izin, I call them "monsters". Kenderaan mereka besar dan sekiranya terlibat di dalam keroalangan, mereka tidak mengalami apa-apa. Mereka hidup bahagia. Yang menjadi mangsa ialah pengguna kenderaan sederhana dan kecil.
- (ii) Pemandu dari kalangan generasi muda yang angkuh dan sombong. Mereka suka menonjol-nonjol dan menunjuk-nunjuk. Mereka suka mempelagakan kereta mereka. Mereka mahu membuktikan kuasa kereta mereka. Mereka tidak boleh berhadapan dengan pemandu yang cermat dan berhati-hati. Mereka tidak sanggup melihat pemandu wanita yang berhati-hati. Saya biasa dipermain-mainkan oleh mereka ini, dan mereka memandu ke kiri-kanan jalan di hadapan saya dan akhirnya membelok ke kiri tanpa memberi isyarat.
- (iii) Kumpulan yang ketiga ialah dari kalangan mereka yang tidak sanggup bersabar langsung, Saya memberi satu contoh. Adalah menjadi kewajiban kita untuk memperlahankan kenderaan apabila sampai dekat lampu

isyarat. Sekiranya pada masa itu lampu kuning, sudah seroestinyalah kita berhenti. Tetapi pemandu di belakang saya tidak menyangka perkara ini dan apabila saya berhenti nyaris lagi belakang kereta saya kena langgar. Pada satu hari dalam keadaan yang sama, untuk melepaskan rasa getarannya, pemandu di belakang saya itu menjulurkan lidahnya kepada saya kerana berhenti di lampu kuning.

Timbalan Yang di-Pertua: Macam mana dia menjulurkan lidahnya?

Puan Law Jack Yoon: Sebagai Yane Berhormat saya rasa malu!

[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Puan Law Jack Yoon: Saya rasa malu hendak tunjuk. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Gurau-gurau sahaja!

Puan Law Jack Yoon: Pemandu yang sama akan membunyikan hon keretanya jika kita lambat sedikit untuk bergerak apabila lampu sudah hijau.

(iv) Kumpulan akhir yang hendak saya sebutkan di sini ialah kumpulan yang tidak bertimbangrasa dan tidak mementingkan orang lain. Mereka ini mementingkan diri mereka sendiri sahaja. Contohnya, kita sedang menunggu seorang pemandu hendak mengosongkan tempat letak kereta. Pemandu yang di belakang kita tahu maksud kita. Tetapi dia tidak peduli dia akan membunyikan hon bertalu-talu minta diberi laluan dan akan mencelah lalu walau bagaimana sempit sekalipun laluan itu.

Ahli kumpulan yang sama juga akan memenuhi ruang kosong di hadapan kita walaupun dia tahu ruang itu perlu untuk keselamatan kita. Jika sekiranya kereta di hadapan kita membrek keretanya, kadangkala selepas memenuhi ruang kosong di hadapan kita itu, kereta yang di hadapannya membrek, dia sudah tentu terpaksa juga membrek keretanya. Kita yang dibelakangnya kalau tidak berhati-hati akan terlanggar belakang keretanya. Dia tahu melepaskan dirinya sahaja. Apa yang akan terjadi kepada orang lain, dia tidak peduli dan tidak ambil kisah langsung.

Tuan Yang di-Pertua, ahli dari kumpulan yang sama juga akan memberhentikan keretanya .di mana sahaja di jalanraya dan tidak peduli sama ada perbuatannya itu menghalang lalulintas. Yang amat penting sekali dan perlu saya sebutkan di sini ialah kumpulan inilah yang selalu menyebabkan kesesakan jalanraya. Mereka ini tidak sanggup beratur apabila banyak kenderaan barhenti. Mereka akan maju ke hadapan, memotong orang lain dengan harapan dapat mencelah di mana-mana. Akhirnya, oleh kerana tidak ada ruang untuk mencelah dia akan mewujudkan satu barisan lain. Pemandu yang dibelakangnya akan mengikut pula dan akhirnya satu lorong yang boleh menampung sebaris kereta sudah menjadi satu lorong yang menampung dua atau tiga baris kereta. Kesesakan pun berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, selagi sikap percandu seperti ini tidak berubah, kita akan terus kehilangan nyawa, harta-benda dan juta-juta ringgit tiap-tiap tahun. Kempen AIDA iaitu, dengan izin, Awareness, Interest, Desire and Translated into Action Campaign yang dilancarkan baru-baru ini akan gagal jika sekiranya sikap pemandu tidak berubah. Bagaimana kita boleh membantu dalam mengubah sikap ini? Sebagai ibubapa, kita boleh menyerapkan semangat keselamatan diri sendiri dahulu di kalangan anak-anak kita. Kalau kereta yang di hadapan kita itu terdahulu lima minit dari kita, biarkan begitu. Jangan berlumba dengan memotongnya. Dia tidak akan pergi lebih jauh dari apa yang ditujunya dan kita pula tidak akah sampai sejam lebih awal dari yang dijangkakan. Semangat cinta dan sayang kepada diri sendiri ini perlu dipupuk di bangku sekolah lagi melalui pendidikan moral. Anak-anak diajar dari kecil supaya bersopan-santun dan bertimbang rasa terhadap orang lain. Siapa yang dahulu, dia lebih berhak dari orang yang demikian.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan perlu pada peringkat ini mengarabil berat dan kalau boleh memberi keutamaan terhadap menjadikan jalan raya lebih selaraat lagi. Kesesakan lalu lintas di jalan raya ialah oleh kerana kenderaan terlalu banyak. Ini berlaku terutaraa sekali di bandar-bandar besar. Kesesakan ini boleh dikurangkan jika sekiranya pengangkutan awam di negara kita ini, cekap, selesa dan merauaskan. Kuala Lumpur boleh dijadikan contoh. Jumlah bas yang ada sekarang ini tidak mencukupi dan ini terbukti dengan kesesakan dalam bas terutama sekali pada masa-masa tertentu. Bas-bas ini tidak pernah raengikut jadual. Ada yaag hendak mengikut jadual tetapi tergendala oleh kerana kesesakan jalan raya. Jalan-jalan yang dilalui tidak lurus. Keadaan ini merumitkan pekerja-pekerja berulang-alik ke tempat-tempat kerja. Dengan itu, kereta sudah menjadi keperluan untuk ramai wargakota dan bukan lagi satu kemewahan. Selagi keadaan ini tidak berubah, peningkatan jumlah kenderaan di jalan raya akan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita perhatikan muatan bas pada waktu pagi sebelum waktu pejabat dan di sebelah petang selepas waktu pejabat, kita akan melihat bas-bas ini penuh sesak dengan manusia. Kadang-kadang bas ini memecut selaju-lajunya terutama sekali bas-bas mini yang sekarang ini digelar "Raja Jalan" atau, dengan izin, "King of the Road." Bas-bas ini berjalan laju oleh kerana hendak cepat sampai ke destinasiya dan balik ke pusat bandar dengan secepat-

cepat yang boleh untuk mengambil penumpang lain. Ini bermakna lagi kerap bas ini dapat balik ke pusat bandar, lagi banyak hasil yang diperolehi. Kita sungguh bernasib baik selama ini kerana kita belum lagi menghadapi tragedi di mana berpuluh-puluh penumpang bas terkorban dalam kemalangan bas yang lebih muatan. Saya fikir pihak berkuasa mahu menantikan peristiwa seperti ini berlaku untuk mengambil tindakan tegas. Ini bermakna selepas berpuluh-puluh jiwa terkorban, barulah kita hendak membuka mata dan berbuat sesuatu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya sebutkan tadi berlaku di hadapan mata kita. Tiap-tiap hari. Tindakan telah diambil dari inasa ke semasa tetapi keadaan tidak juga berubah. Nampaknya pemikiran pihak penguatkuasaan telah dipesongkan untuk menerima keadaan seolah-olah tidak berdaya lagi bertindak melawan arus. Soalnya sekarang, sampai bila? Penguatkuasaan terhadap pemandu-pemandu yang melanggar peraturan lalu-lintas masih tidak mencukupi. Masih banyak kereta diletakkan tidak tentu arah di jalan-jalan sempit. Masih banyak lagi kereta diletakkan di tempat yang tidak dibenarkan meletak kereta. Kenderaan masih berderet menunggu di tempat yang dilarang menunggu. Ini memberi gambaran bahawa undang-undang yang dibuat itu tidak bermakna kepada mereka. Ini adalah masalah penguatkuasaan yang tidak tegas dan tidak seragam. Saya fikir Kerajaan perlu memikirkan perkara ini dengan sedalam-dalamnya sebelum keadaannya menjadi lebih rumit dan meruncing.

Tuan Yang di-Pertua, berhubungkait secara rapat dengan kesesakan jalan raya ini ialah keadaan jalan raya kita. Penyelenggaraan jalan raya kita tidak begitu kemas. Lubang-lubang dan lopak-lopak jarang sekali diberi perhatian segera. Kadang-kadang selepas tragedi keraalangan di situ barulah lubang-lubang atau lopak-lopak ini ditimbus semula. Jalan-jalan yang sempit mengambil masa yang begitu laara untuk dibesarkan. Biasanya jalan-jalan ini diperbesarkan selepas kemalangan jalan raya berlaku berkali-kali di situ. Perlukah kita menunggu berlakunya beberapa tragedi sebelum kita mengarabil tindakan ke atas sesuatu? Saya ada beberapa soalan yang hendak saya majukan di sini berhubung dengan kesalahan jalan raya:

- (i) (a) Berapa banyakkah surat saraan atau tangkapan dibuat di atas kesalahan lalu-lintas selama ini?
- (b) Berapa banyak wang denda dari kesalahan lalu-lintas telah dikutip oleh Kerajaan pada waktu yang sama?
- (ii) Sama ada tindakan mahkamah dan juga tindakan kompaun yang diambil dapat mengurangkan kemalangan di jalan raya?
- (iii) Sejak tertubuhnya Jawatankuasa Kabinet Keselamatan Jalan Raya, bolehkah pihak Menteri memberitahu sama ada jumlah kemalangan di jalan raya sudah berkurangan dari tahun ke setahun? Jika ya, beri perangkaan tentang penurunannya.
- (iv) Kerajaan berbelanja sebanyak \$10 juta pada tahun lepas di dalam Kempen AIDA dan akan membelanjakan sebanyak \$10 juta

lagi bagi meneruskan Fasa 2 Kempen ini Saya hendak tahu kesan positif yang dicapai dalam usaha Kerajaan hendak mengurangkan kemalangan di jalan raya ini.

Ingin saya sebutkan di sini, bahawa mengikut perangkaan kematian di aegara kita, keraalangan jalan raya ialah pembunuh nombor tiga. Nombor satu, sakit jantung dan AIDS jadi nombor dua.

Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua: Itu di mana Yang Berhormat? Adakah AIDS itu nombor dua di Malaysia atau di dunia? Penyakit AIDS nombor dua di Malaysia?

Puan Law Jack Yoon: Nombor dua di Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya mengulang di sini hujah-hujah yang saya kemukakan dalam tahun 1987 iaitu tahun pertaraa saya dilantik sebagai Ahli Dewan Negara. Saya telah berucap beberapa kali dalara Dewan yang mulia ini berhubung dengan Akta Jagaan Anak-anak 1961 berhubung dengan penjagaan anak-anak oleh ibu selepas ibu dan bapa mereka bercerai.

Apa yang saya maksudkan di sini ialah siibu diberikan kuasa penjagaan yang saraa bagi jagaan anak-anak itu. Ini adalah oleh kerana apabila bapa anak itu tidak boleh dihubungi dalam kes penceraian, siibu diberi hak menjaga atau 'custody' sahaja. Siibu tidak boleh mengambil apa tindakan bagi pihak anak-anaknya sepertimana jika ia diberikan kuasa penjagaan atau, dengan izin, guardianship.

Perkara ini mungkin kecil jika ditinjau dengan mata kasar tetapi amat berat bagi ibu yang menanggung anak-anaknya seorang diri. Saya tekankan sekali lagi apa yang penting di sini ialah siibu diberikan kuasa, dengan izin, guardianship untuk menyenangkan beliau menguruskan serau perkara berhubung dengan anaknya dan tidak dibebankan dengan bersusah payah mencari bapa anak itu yang sudah menghilangkan dirinya. Akta ini sudah berusia lebh tiga puluh satu tahun dan sudah sampai masanya untuk dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah membangkitkan isu berhubung dengan Ordinan Perabahagian Harta 1958 berkali-kali dalam Dewan yang mulia ini, tetapi sampai sekarang tidak ada satupun tindakan yang diambil. Saya hendak membangkitkan isu ini sekali lagi. Apabila seorang suami meninggal dunia tanpa wasiat, isterinya mewarisi satu pertiga daripada hartanya dan anaknya mewarisi dua pertiga dari harta itu. Sekiranya tidak anak, siisteri mewarisi setengah daripada harta suaminya. Perkara yang dipertikaikan dalam Ordinan ini ialah apabila siisteri meninggal dunia tanpa meninggalkan wasiat, dalam keadaan ini si suami mewarisi semua harta isterinya, dan anak-anaknya tidak mewarisi apa-apa pun. Masalah berbangkit apabila si suami ini berkahwin seraula, ada kemungkinan besar harta yang diwarisi si suami tadi tidak lagi dapat menjamin kehidupan sempurna anak-anak yang sudah beremak tiri. Perkara ini sangat tidak adil. Oleh yang demikian, saya ingin menganjurkan di sini supaya pembahagian harta ini dibuat begini apabila seorang suami atau isteri (spouse) meninggal dunia tanpa wasiat, suaminya

atau isterinya harus mewarisi setengah daripada hartanya dan anaknya mewarisi setengah dari harta itu; dan sekiranya tidak ada anak, sisuami atau siisteri (spouse) harus mewarisi semua harta suaminya ataii isterinya. Dengan itu,saya percaya masa depan anak-anak yang terlibat akan lebih terjamin lagi.Anak-anak itu tidak mungkin diperdaya oleh ibu tirinya sebab dia berharta. Akta ini sudah berusia harahir tiga puluh tahun, tetapi hingga ke hari ini tidak ada apa-apa pindaan yang dibuat ke atasnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap apa yang saya bangkitkan di sini akan dapat perhatian Kementerian-kementerian yang berkenaan, dan saya raerayu. agar tindakan akan dapat diambil dengan secepat mungkin berhubung dengan Akta dan Ordinan yang saya sebutkan ini.

Tuan Yang di-Pertua sebelum saya .mengakhiri ucapan. saya hari ini,saya ingin mengulang sekali lagi tentang besarnya makna perpaduan rakyat -berbilang kaura di negara kita ini Perpaduan ini sepertimana Tuan Yang di-Pertua tahu, sudah nampak jelas terbukti. Satu contoh yang baik ialah dalam Pertandingan Badminton Piala Thomas baru-baru ini di Stadium Negara. Saya ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua ahli Pasukan Badminton. Kebangsaan kita. Semua rakyat setia kita yang menyaksikan pertaadingan itu tidak kira keturunan, agama atau bangsa, bertepuk, bersorak dan menyokong pasukan kita dengan satu nada, satu suara dan satu irama. Dengan sokongan yang begitu bersemangat dan dengan kepintaran yang ada pada pemain-pemaia kita, kita telah berjaya membawa balik Piala Thomas itu ke.....

Tuan Rahim bin Baba:[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Law, sila duduk sekejap.

Tuan Rahim bin Baba:Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan, Adakah Yang Berhormat setuju bahawa pada 16hb Mei yang lalu apa yang berlaku di Stadium Negera itu ialah yang hadir dalam Stadium itu ialah rakyat Malaysia, bangsa Malaysia, bukannya bangsa Cina, bangsa India ataupun bangsa Melayu?

Puan Law Jack Yoon:Tuan Yang di-Pertua saya bersetuju. Dengan sokongan yang begitu bersetnangat dan dengan kepintaran yang ada pada pemain-peraain kita, kita telah berjaya membawa balik Piala Thomas itu ke negara kita selepas dua puluh lima tahun. Kita boleh mengambil iktibar di sini di atas semangat perpaduan yang kukuh kita boleh menggetakkan Piala Thomas itu ke Malaysia. Apa pula yang boleh menghalang kita menggerakkan lain-lain kemajuan ke negara kita? Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua "If we can move the Thomas Cup to Malaysla through the spirit of unity of everyone, we can even move the whole world to us" Sekarang ini dengan bangganya kita semua boleh berkata "Kami Anak Malaysia Bersatu Kita Teguh Bercerai Kita Roboh", Dengan itu marilah kita bersama-sama menuju ke hadapan seiring sejalan, senada seirama, ringan sama dijinjing berat sama.dipikul untuk mencari kemajuan, kemakmuran dan keamanan yang lebih jitu lagi bagi menyahut seruan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong usul yang telah dibentangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King. Sila.

6.28 ptg.

Tuan Tiong Thai King: Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan ribuan teritna kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengarabil bahagian di dalam perbahasan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah berlangsung pada 27hb April 1992 ketika perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ikhlas hati saya turut menyokong usul mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Ke bawah Duli kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda. Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dalam Titah Ucapan Baginda telah menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan keselamatan negara, kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara selaras dengan Wawasan 2020 dan menggariskan dasar-dasar atau langkah-langkah am yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan kita dan juga perlu diikuti oleh rakyat kita dalam segala bidang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dalam Titah Ucapan Baginda tiap-tiap tahun sentiasa memberi penekahan kepada pentiagnya....,,

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk, sebab kita sudah sampai waktu dan kita beri peluang kepada Yang Berhormat menyambung ucapan pada esok hari. Ini ucapan "maiden", ucapan yang pertama?

Tuan Tiong Thai King: Kedua.

Timbalan Yang di-pertua: Kedua. Jadi, sila'duduk, kita sambung esok. Kita beri peluang sambung ucapan esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.